

C A K N A *kampus*

Unit Komunikasi Korporat

Menelusuri Norma Baharu
Dari Kerangka
Ibn Khaldun

Norma Baharu Tahun 2021
Pandemik COVID-19,
WANITA
Bekerjaya Dan Keluarga

Norma Baharu Prasarana
Pendidikan Dari Perspektif
Telekomunikasi Data

"Finishing School"
Norma Baharu

Dunia Alam Maya Norma Baharu
Mudarat Kesihatan
Mata & Mental

COVID-19
Mendepani Cabaran Di
Rumah Untuk Kekal Sihat
Dan Produktif

Online Project Presentation:
Embracing The New
Normal Towards Active
Learning



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

NORMA
BAHARU

CAKNA KAMPUS
BULETIN RASMI UiTM CAWANGAN N.SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN
EDISI APRIL 2021

Diterbitkan oleh:
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban,
Persiaran Seremban Tiga/1, Seremban 3,
70300 Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Tel : 606-6342000, Faks : 606-6335813

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis.

PENAFIAN:

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2773-5648
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan tiga kali setahun
©2021 Hakcipta Terpelihara

Kandungan Edisi Ini

Dari Meja Ketua Editor	4
Menelusuri Norma Baharu Dari Kerangka Ibn Khaldun	5
Norma Baharu Tahun Tahun 2021 Pandemik COVID-19, Wanita Bekerjaya Dan Keluarga	7
Penjelasan Hukum Syarak Berkaitan Isu Penjarakan Saf Solat Berjemaah Norma Baharu	8
Penilaian Atas Talian Sebagai Norma Baharu Dalam Konteks Pengajaran Dan Pembelajaran	10
Transformasi Ke Perniagaan Dalam Talian Dalam Era Pandemik COVID-19 Demi Kelangsungan Perniagaan	12
Dunia Alam Maya Norma Baharu Mudarat Kesihatan Mata Dan Mental	14
COVID-19 Mendepani Cabaran Di Rumah Untuk Kekal Sihat Dan Produktif	16
“Finishing School” Norma Baharu	18
Alumni COVID-19 Kit	19
Dompet Digital : Berbelanja Dengan Selamat	21
Peruntukan Undang Undang Dalam Norma Baru_ Apa Yang Perlu Kita Tahu	23
Perkembangan Jangkaan Fesyen 2021 Apabila Pandemik Tidak Berakhir	25
Norma Baharu Prasarana Pendidikan Dari Perspektif Telekomunikasi Data	27

Kandungan Edisi Ini

Digital Ekonomi Dan Norma Baru 2021	29
Percutian Norma Baharu Isu Rumah Kediaman Dijadikan Rumah Penginapan Dari Sudut Perundangan	31
Norma Baharu Demi Masa	34
Sukarelawan Digital_ Satu Pembaharuan	36
Kembali Aktif Dengan Norma Baharu Saranan Konsep Return To Sport Pasca COVID-19	38
Online Project Presentation - Embracing The New Normal Towards Active Learning	40
Winds Of Change - 2021 New Normal	42
Dilema Penggunaan Peranti Kamera Bagi Pemantauan Penilaian Akhir Kursus Di Dalam Norma Baharu	44
Norma Baharu Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	46
The New Norm Then And Now	47
Kampus Sana-Sini	48

SIDANG REDAKSI



DARI MEJA

Ketua Editor

Assalamualaikum dan Salam 1 UiTM,

Sewaktu menelusuri satu demi satu artikel pilihan untuk Buletin UKKO, saya berkongsi keterujaan para pensyarah untuk berkongsi minat dan kepakaran mereka secara santai tetapi berisi. Sambutan yang diterima di luar dugaan. Ini menunjukkan apabila dibuka platform yang sesuai, ada sahaja yang terlintas untuk dikongsi di dalam ruang dan waktu yang diberikan.

Edisi Buletin kali ini menampilkan kepelbagaiannya topik yang menarik hasil perkongsian para pensyarah UiTM Negeri Sembilan. Sebanyak 23 artikel diterima, membicarakan dari soal perundangan hingga fesyen. Meskipun perbahasan dan perkongsian masih relevan tentang isu pandemik yang masih membelenggu masyarakat dan negara kita, namun dapat dilihat sikap positif di dalam mengharungi cabaran pandemik melalui adaptasi dan informasi bermanfaat yang disajikan di dalam keluaran kali ini.

Saya ingin menjemput semua pembaca untuk sama-sama menikmati hasil karya kritis para pensyarah yang menyorot serta membahas pelbagai aspek dan bidang. Semoga perkongsian kali ini menyemarakkan lebih banyak ide untuk pembaca melontarkan pandangan, mendapat ide baru untuk penulisan yang lebih kritis lagi.

Dari ruang dapur hingga ke ruang kerja
Covid19 membawa pengajaran
Syabas dan tahniah semua pengkarya
Sentiasa sudi menghulur perkongsian

Salam ceria selalu,

Dr. Wan Zumusni Hj. Wan Mustapha

PENAUNG

Prof. Dr. Yamin Yasin
Rektor
UiTM Caw. N.Sembilan

PENASIHAT

Dr. Suhaimi Bin Haji Abd Samad
Penolong Rektor
UiTM Caw. N.Sembilan
Kampus Seremban

KETUA EDITOR

Dr. Wan Zumusni Wan Mustapha

EDITOR JEMPUTAN

Dr. Wan Normila Mohamad
Norfazlika Abd. Karim
Afni Anida Adnan
Azlina Mohd Hussain

EDITOR PEREKA GRAFIK

Haslinda Noradzan

EDITOR

Nur Haidar Hanafi
Noraimi Azlin Mohd Nordin
Dr. Zati Aqmar Zaharudin



Menelusuri Norma Baharu Dari Kerangka Ibn Khaldun

DR. ARIFF AIZUDDIN AZLAN , JENIWATY BINTI MOHD JODY

Ilmuwan seperti Ibn Khaldun tidak asing lagi di dalam sejarah pemikiran keintelektualan sosio-politik. Beliau ibarat gedung ilmu yang berfungsi membekalkan segala jenis logik yang boleh diterima akal dalam usaha untuk memahami gelagat manusia di atas muka bumi ini. Malah, beliau juga berusaha untuk mengenalpasti beberapa faktor yang menyumbang ke arah perubahan tamadun bagi mendapatkan penjelasan tentang perihal jatuh bangunnya sesuatu kerajaan itu dari sudut yang lebih teratur dan metodologi yang lebih tersusun.

Sebilangan pengkaji sosial bersetuju bahawa konsep seperti 'Umran, yang diperincikan oleh Ibn Khaldun, membawa kepada maksud budaya. Sarjana sains politik terkenal seperti Samuel P. Huntington juga melihat kepada konsep budaya ini dengan menghuraikan ia sebagai satu daya yang menyatukan terutamanya ketika pasca Perang Dingin. Beliau juga berhujah bahawa budaya ini memberi impak yang sangat besar terhadap politik dan ekonomi sesebuah negara. Malah, perseteruan yang wujud di dalam konteks peradaban pada hari ini boleh dikatakan bermula dari budaya.



Di dalam konteks kenegaraan juga, budaya memainkan peranan yang signifikan. Melalui budaya, negara berkeupayaan untuk mengenalpasti sesuatu kepentingan. Budaya juga dilihat sebagai satu agen persekutuan di antara negara-negara yang mempunyai kepentingan dan matlamat yang sama. Kemuncak kepada kepentingan ini akan membentuk sebuah identiti.

Perbahasan mengenai budaya ini tidak pernah menemui titik penamat. Ianya sentiasa diperdebatkan di mana konsep tersebut disemai dengan pendekatan empirikal yang dilihat mampu untuk menguatkan hujah bahawa proses pembudayaan itu sememangnya adalah sebahagian dari kerangka pembentukan sosial.

Oleh itu, objektif utama makalah ini adalah untuk merungkai persoalan epistemologi yang membabitkan perubahan budaya, yang dilihat agak kritikal seperti pembudayaan norma baharu yang sedang diamalkan kesan daripada penularan virus Covid-19. Wabak ini bukan sahaja telah meragut jutaan nyawa, malah telah mengakibatkan ramai orang kehilangan mata pencarian kesan daripada penularannya. Tidak kurang juga ketidakakururan sivil yang sedang berleluasa. Makalah ini mengandaikan bahawa pemahaman terhadap fenomena perubahan budaya ini dapat diseimbangkan melalui kerangka pemikiran Ibn Khaldun. Di dalam kitab Al-Muqaddimah, Ibn Khaldun berhujah bahawa peradaban manusia memerlukan kepimpinan politik untuk diseimbangkan dalam sesuatu struktur organisasi. Politik di sini dapat difahami sebagai satu daya yang diolah bagi mencapai sesuatu objektif dalam hal-hal yang berkaitan kenegaraan, jaminan terhadap hak asasi manusia, kesejahteraan sosio-ekonomi dan politik. Perencanaan terhadap pengklasifikasi politik ini sememangnya memerlukan satu logik yang tidak melangkaui sempadan yang dituntut oleh shari'ah. Pengoperasian aktiviti kemanusiaan dan peraturan yang dibentuk oleh manusia di dalam ruang lingkup institusi perlulah setara dengan parameter wahyu. Oleh itu, di dalam perkiraan sosial, politik juga memainkan peranan yang sangat signifikan di dalam konteks budaya.


Di dalam kitab Al-Muqaddimah, Ibn Khaldun berhujah bahawa peradaban manusia memerlukan kepimpinan politik untuk diseimbangkan dalam sesuatu struktur organisasi.

Di dalam kerangka pemikiran Ibn Khaldun, asas kepada budaya adalah bertunjangkan ilmu yang diwahyukan dan bersifat rasional. Di sini, pemikiran rasional adalah asas yang mendominasi hubungan simbiotik di antara faedah perlakuan dan implikasinya terhadap alam sekeliling. Dimensi yang dianjurkan ini juga menegaskan keharmonian mutlak yang boleh diadaptasi menerusi pautan kejuruteraan sosial yang tidak berorientasikan langkah afirmatif.

Pandemik global Covid-19 telah mengakibatkan seluruh dunia mengambil pendekatan yang kritikal demi untuk mengekang penularannya. Di sini, rejim dilihat meraikan pendapat yang berbeza mengenai metodologi yang bersesuaian dengan konteks kenegaraan masing-masing. Metodologi penekanan berunsurkan autoritarianisme juga dijadikan sebagai rujukan utama untuk memerangi wabak. Malah, rasionalisasi adalah satu kata kunci yang menjelaskan posisi dan tindakan manusia secara umum di dalam kerangka peradaban.

Sebagai salah satu manifestasi pemikiran dan gelagat yang dipamerkan oleh sesuatu masyarakat itu, budaya dipusatkan sepenuhnya sebagai premis yang perlu didahulukan. Dihujahkan bahawa gelagat manusia adalah satu pembolehubah yang mempengaruhi corak pemikiran dan seterusnya akan memberikan kesan terhadap sesuatu fenomena. Kesan daripada peningkatan penularan wabak ini, sebahagian besar negara mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Malaysia juga tidak terkecuali. Ini sekaligus menunjukkan bahawa gelagat manusia di seluruh dunia berubah sepenuhnya. Aktiviti politik, sosial, ekonomi, dan agama direhatkan untuk sementara waktu bagi memberi laluan kepada agensi yang dipertanggungjawab untuk mengepalai jentera bagi memerangi wabak ini. Strategi demi strategi mula digarap secara berperingkat dan seterusnya diterjemahkan ke dalam ruang lingkup aktiviti kemanusiaan sebagai satu penjenamaan baru yang bersifat kompleks. Tanpa meletakkan satu bentuk pengadilan moral, adalah jelas bahawa fenomena Covid-19 ini merungkai naratif yang mengakibatkan satu anjakan paradigma dari sudut kebebasan yang maksimum ke arah gaya pendekatan yang bersifat konservatif.

Akhir kata, rasional di sebalik perencanaan ini hanya boleh disantuni melalui liku-liku kefalsafahan yang bermodalkan susur galur keintellectualan. Adaptasi kepada norma baharu ini adalah cerminan pembudayaan yang akan dikenang sepanjang zaman sebagai satu fotograf ketamadunan.



Norma Baharu Tahun 2021 Pandemik COVID-19, Wanita Bekerjaya Dan Keluarga

RAFIZAN BINTI ABDUL RAZAK



Pandemik Covid-19 memberi kesan kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat usia samada kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas untuk melalui dan mengadaptasi norma baharu kehidupan. Sehubungan dengan itu, penulis ingin berkongsi sedikit pengalaman yang dilalui oleh kaum wanita yang terpaksa bekerja dari rumah dan pada masa yang sama mempunyai anak-anak yang berusia dibawah 12 tahun serta ahli keluarga yang istimewa.

Tuntutan pekerjaan yang memerlukan pekerja menghasilkan output dan prestasi yang tinggi telah lama difahami oleh warga kerja khasnya dan masyarakat amnya. Namun begitu, pandemik Covid-19 telah mengubah cara bekerja kebanyakan kaum wanita yang berkerjaya kerana terpaksa mengimbangi keperluan anak-anak yang masih belum mampu berdikari dan menguruskan pembelajaran dari rumah. Sebagai contoh, penyesuaian masa persekolahan anak-anak yang pelbagai; ada yang perlu mengikuti pembelajaran sesi pagi, petang dan malam. Selain itu, ada juga anak-anak yang perlu berkongsi untuk menggunakan telefon, komputer dan data yang terhad serta pada masa yang sama rutin bekerja seawal 8 pagi hingga 5 petang atau lebih, sudah cukup memberi tekanan secara tidak langsung kepada kaum wanita yang bekerja dari rumah untuk bijak menguruskan dan mengimbangi tuntutan kerjanya mereka. Begitu juga sekiranya wanita yang mempunyai anak-anak yang telah dewasa mungkin mereka pula mempunyai suami atau ibubapa yang sakit atau memerlukan perhatian yang sama seperti mengurus anak-anak kecil.

Para pembaca sekalian, merenung muka anak-anak kecil ini kadangkala menimbulkan persoalan sudah cukup hebatkah tenaga ibu mereka yang memakai pelbagai topi di rumah pada musim pandemik ini seperti menjadi guru sepenuh masa, chef, pengurus dobi atau makanan, doktor atau jururawat, pegawai psikologi atau sukan, ustazah atau isteri dan lain-lain peranan lagi? Bukan mudah wahai pembaca. Apatah lagi sekiranya di dalam keluarga juga mempunyai anak-anak yang istimewa dan ibubapa yang sudah uzur untuk disantuni dan memerlukan penjagaan rapi.

Pembelajaran dari rumah untuk anak-anak kecil ini perlu dipantau dan diberi bimbingan setiap masa kerana pendidikan di peringkat awal ini adalah sangat penting dan merupakan asas kepada peringkat yang lebih tinggi kelak. Kemahiran mengira, menulis dan membaca perlu dikuasai oleh anak-anak kecil ini agar tidak ketinggalan dan tercicir.

Walaupun penggunaan teknologi moden seperti ‘google classroom’, ‘YouTube’ dan TV Pendidikan digunakan secara meluas, interaksi secara bersemuka bersama guru tidak boleh dinafikan mempunyai kesan yang lebih efektif kepada kanak-kanak berbanding dengan pelajar di sekolah menengah atau di peringkat universiti yang dilihat lebih berdikari dan matang belajar secara atas talian. Bayangkan anak-anak kecil ini hanya berhadapan dengan skrin untuk memahami konsep asas pembelajaran. Tidak seperti pengalaman yang ditempuhi oleh ibubapa serta guru mereka pada waktu dahulu.

Karenah anak-anak kecil ini ada pelbagai ragam seperti tidak boleh fokus kepada pengajaran guru tanpa pengawasan, ada yang bersempang (chat) semasa sesi pembelajaran atas talian dan kurang motivasi kerana suasana belajar bersama rakan-rakan sekelas tidak dapat dirasai. Di sinilah peranan ibu selain memberi fokus hanya kepada kerjaya mereka amat dituntut dalam norma baharu ini untuk membantu menjadi guru pengganti kepada anak-anak kecil ini jika pembelajaran dari rumah ini terpaksa dilakukan kerana pandemik Covid-19 yang masih belum reda.

Para ibu dan wanita yang bekerjaya di luar sana pastinya tidak mahu anak-anak mereka ketinggalan dek kerana hanya pentingkan diri sendiri dan akhirnya menjadi seperti pepatah lama ‘yang dikehjarn tak dapat yang dikendong bercinciran’. Semoga golongan wanita bekerjaya dan masih mempunyai anak-anak kecil ini atau ahli keluarga yang istimewa diberi semangat tinggi dan padu untuk terus menjadi wanita besi serba boleh dalam norma baharu kehidupan dan mampu terus berjuang untuk memberikan sumbangan dan hasil kerja berprestasi tinggi untuk organisasi dan pada masa yang sama tidak mengabaikan keperluan keluarga mereka.

Penjelasan Hukum Syarak Berkaitan Isu Penjarakan Saf Solat Berjemaah Norma Baharu

DR. HJ. MOHD. KAMEL BIN MAT SALLEH

Rakyat Malaysia kini berhadapan dengan dengan norma baharu akibat Pandemik COVID-19 termasuk yang berkait dengan amalan keagamaan dan ibadat orang-orang Islam, antaranya ialah isu penjarakan fizikal dalam pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah. Kejutan ini telah menimbulkan banyak persoalan malah keraguan berkenaan status hukumnya. Masyarakat awam tentu tertanya-tanya apakah sandaran hukum dan dalilnya dan adakah terdapat nas yang menjelaskan perkara tersebut? Artikel ringkas ini akan menjelaskan rasional kepada pelaksanaan solat berjemaah secara penjarakan fizikal ini dalam memberi kefahaman kepada orang Islam di Malaysia tentang kewajarannya secara praktikal.

Keputusan berkenaan dengan hukum penjarakan saf solat ini telah diputuskan oleh Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) yang diurussetiakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang telah diadakan pada 21 April 2020 dan pandangan hukum ini kemudiannya telah difatwakan di semua negeri.

Kronologi pandangan hukum berhubung isu COVID-19 bermula melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas MKI Kali Pertama yang diadakan pada 15 Mac 2020 bagi membincangkan berkenaan dengan dua isu utama iaitu cadangan penangguhan semua aktiviti masjid dan surau terutama solat berjemaah dan solat Jumaat, begitu juga dengan kaedah pengurusan jenazah akibat COVID-19. Rentetan dari perkembangan semasa ketika itu yang membawa kepada penularan wabak dengan terlalu cepat, Jawatankuasa Muzakarah telah melaksanakan beberapa siri perbincangan bagi membincangkan isu-isu baru yang timbul bagi mengelakkan jangkitan kepada orang ramai termasuk cadangan saf solat secara berjarak. Ia dibincangkan bagi pelaksanaan fatwa tersebut di peringkat negeri seluruh Malaysia kerana ia adalah isu yang melibatkan kepentingan nasional.

Sumber hukum syarak atau metodologi penetapan hukum dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu rujukan dalil dari sumber utama (primer) dan sumber tambahan (sekunder). Dalam setengah kitab disebut sebagai sumber hukum yang disepakati dan sumber hukum yang tidak disepakati. Sumber-sumber primer ialah al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qiyas.

Manakala sumber-sumber tambahan antaranya ialah:

- i.maslahah mursalah (suatu keadaan yang boleh mendatangkan kebaikan dan menolak kemudarat).
- ii.urf (suatu kebiasaan yang telah diterima oleh masyarakat sebagai suatu yang baik).
- iii.istihsan (berpaling daripada sesuatu hukum yang telah ditetapkan oleh suatu dalil kepada dalil lain yang lebih kuat).
- iv.sadd al-dhara'i (menutup jalan dan ruang yang boleh membawa kepada kerosakan).
- v.istishab (sesuatu perkara kekal dan berterusan hukumnya sehingga ada bukti yang mengubahnya).



Kaedah penetapan hukum termasuk dalam isu-isu hukum semasa juga mengambil kira rujukan kepada kaedah-kaedah fekah yang disebut sebagai al-Qawaid al-Fiqhiyyah seperti:

- i.al-umur bi aqasidiha (segala perkara itu bergantung kepada niat dan tujuannya).
- ii.al-yaqin la yuzal illa bi al-syakk (yakin tidak boleh disingkirkan dengan syak semata-mata).
- iii.al-mashaqqah tajlib al-taysir (kesukaran menjadi sebab kepada kemudahan dan keringanan).
- iv.al-dharar yuzal (kemudarat hendaklah dihilangkan).
- v.al-dharurah tubih al-mahzurat (darurat mengharuskan suatu yang dilarang).
- vi.al-adah muhakkamah (adat kebiasaan boleh dijadikan sebagai rujukan umum).
- vii.hukm al-hakim yarfa' al-khilaf (hukum dan keputusan hakim atau pemerintah boleh menghilangkan perkara khilaf).
- viii.tasarruf al-imam ala al-raiyyah manutun bil maslahah (tindakan atau polisi pemerintah terhadap rakyatnya hendaklah bergantung kepada maslahah).

Justeru, sebarang permasalahan dan isu baharu yang timbul berkaitan hukum dalam masyarakat boleh diputus dan diselesaikan melalui metod seperti yang telah dijelaskan. Maka apabila timbul isu penularan COVID-19, pihak kerajaan melalui institusi berautoriti telah memikirkan pelbagai pendekatan bagi mencari solusi yang tuntas, bagaimana penyebaran wabak ini dapat disekat dan rantaiannya boleh diputuskan. Ini termasuklah melalui pendekatan penjarakan fizikal seperti dalam solat berjemaah.



Antara sandaran dalil berdasarkan sumber hukum yang dinyatakan di atas ialah:

i.al-Quran surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud “Janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”.

ii.Sumber hukum maslahah mursalah (suatu keadaan yang boleh mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratan) dan sadd al-dhara'i (menutup jalan dan ruang yang boleh membawa kepada kerosakan). Ia berdasarkan kepada hujah bahawa penjarakan ini boleh membawa kepada kebaikan dengan terhalangnya kemudaratan jika duduk secara rapat dan berlaku sentuhan dalam solat berjemaah. Melalui kaedah sadd al-dhara'i pula, pintu keburukan melalui penyebaran wabak COVID-19 dapat dihalang dan ditutup sekiranya penjarakan fizikal tersebut dilaksanakan.

iii.Berdasarkan kepada kaedah-kaedah fiqh pula banyak yang boleh diambil sebagai hujah dan sandaran terutama yang berkaitan dengan mengelak kemudaratan seperti al-dharar yuzal (kemudaratan hendaklah dihilangkan) dan al-dharurah tubih al-mahzurat (darurat mengharuskan suatu yang dilarang). Antara larangan ketika solat ialah saf yang renggang, tetapi disebabkan kemudaratan yang timbul, suatu yang dilarang itu adalah dibolehkan.

iv.Sebagai ulil amri dan pemerintah, pemimpin negara boleh memutuskan suatu peraturan, Standard Operating Procedure/Prosedur Operasi Standard bagi mengekang penularan wabak COVID-19 antara kaedah yang boleh dijadikan sandaran ialah hukm al-hakim yarfa' al-khilaf (hukum dan keputusan hakim atau pemerintah boleh menghilangkan perkara khilaf) dan tasarruf al-imam ala al-raiyyah manutun bil maslahah (tindakan atau polisi pemerintah terhadap rakyatnya hendaklah bergantung kepada maslahah).



Suatu yang pasti, keputusan yang diambil ini bukanlah suatu yang bersifat semberono, tidak terburu-buru atau tidak berhati-hati dan tidak berasas, tetapi ia merujuk kepada pandangan pakar dan pihak berautoriti melibatkan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sebagai rujukan tertinggi pengeluar hukum peringkat Persekutuan, Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai pihak berautoriti melibatkan isu-isu kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara merujuk kepada aspek-aspek keselamatan dan bencana.

Justeru kita sebagai rakyat Malaysia wajar mematuhi peraturan ini bertepatan dengan saranan dan nasihat al-Quran iaitu “Taatlah kamu kepada Allah, Rasul dan ulil amri dari kalangan kamu (Surah al-Nisa' ayat 59).

Penilaian Atas Talian Sebagai Norma Baharu Dalam Konteks Pengajaran Dan Pembelajaran

ROZIANIWATI BINTI YUSOF, NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH DAN NORHAFIZAH HASHIM

Penularan penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) yang bermula di negara China telah tersebar dengan begitu meluas di seluruh dunia menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai satu pandemik. Penularan penyakit ini amat membimbangkan sehingga WHO telah menetapkan beberapa prosedur untuk membendungnya. Negara Malaysia merupakan salah satu negara yang terjejas dengan pandemik COVID-19 ini. Pelbagai tindakan telah dilakukan dalam menangani penularan ini, antaranya ialah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah mengubah norma kehidupan rakyat Malaysia kepada norma baharu.

Pelbagai sektor terlibat dengan peraturan PKP termasuklah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di pelbagai peringkat. Hampir kesemua institusi pengajian terpaksa ditutup yang menyebabkan aktiviti PdP terpaksa dijalankan secara atas talian. Norma baharu ini terpaksa dihadapi oleh kesemua pelajar dan pendidik walaupun melalui pelbagai kesukaran dalam memastikan PdP terus berjalan lancar. Namun demikian, antara masalah yang timbul adalah proses penilaian atas talian bagi mengukur tahap kefahaman pelajar sepanjang semester.

Penilaian terhadap pelajar merupakan proses yang penting bagi memastikan kualiti hasil daripada pembelajaran tersebut tidak terjejas walaupun menggunakan pelbagai pendekatan yang berbeza. Pelaksanaan proses penilaian secara atas talian mendapat reaksi berbeza daripada pelbagai pihak terutamanya pelajar dan pendidik. Terdapat pelbagai isu yang timbul dalam menjadikan penilaian atas talian sebagai norma baharu.

Antaranya, sejauh mana tahap kesediaan para pelajar dan pendidik dalam menyesuaikan diri dengan aplikasi-aplikasi yang tersedia. Sesetengah daripada mereka mempunyaikekangan dari segi teknologi seperti masalah capaian internet dan ketiadaan peranti yang sesuai untuk aktiviti atas talian. Begitu juga dengan kemampuan pelajar untuk menyediakan segala kemudahan bagi menduduki penilaian secara atas talian. Kekurangan ini serba sedikit mempengaruhi keputusan yang diperolehi berbanding secara konvensional.



Para pendidik juga turut menghadapi pelbagai masalah dalam melaksanakan pendekatan ini. Mereka perlu mencuba pelbagai aplikasi yang sesuai dengan kaedah penilaian yang dijalankan. Walau bagaimanapun, ada segelintir pendidik yang masih selesa dengan kaedah penilaian konvensional iaitu dengan cara mencetak jawapan. Oleh itu, kaedah penilaian atas talian memerlukan latihan dan masa yang secukupnya bagi membolehkan pendidik mengadaptasi dengan norma baharu pada tahun 2021 dan membolehkan mereka memilih platform yang lebih efisien dan sesuai dengan subjek yang diajar. Walaupun kaedah tugas dan ujian atas talian berjaya dilakukan dengan lancar, isu kebolehpercayaan terhadap pelajar masih lagi membelenggu para pendidik. Mereka tidak dapat memantau pelajar sepenuhnya semasa menjalankan penilaian dan hanya bergantung kepada integriti pelajar semasa kaedah penilaian dilakukan. Namun begitu, para pendidik sentiasa memastikan pelajar-pelajar jujur dalam menjawab sebarang penilaian yang dilakukan.

Para pendidik juga turut menghadapi pelbagai masalah dalam melaksanakan pendekatan ini. Mereka perlu mencuba pelbagai aplikasi yang sesuai dengan kaedah penilaian yang dijalankan. Walau bagaimanapun, ada segelintir pendidik yang masih selesa dengan kaedah penilaian konvensional iaitu dengan cara mencetak jawapan. Oleh itu, kaedah penilaian atas talian memerlukan latihan dan masa yang secukupnya bagi membolehkan pendidik mengadaptasi dengan norma baharu pada tahun 2021 dan membolehkan mereka memilih platform yang lebih efisien dan sesuai dengan subjek yang diajar. Walaupun kaedah tugas dan ujian atas talian berjaya dilakukan dengan lancar, isu kebolehpercayaan terhadap pelajar masih lagi membenggu para pendidik. Mereka tidak dapat memantau pelajar sepenuhnya semasa menjalankan penilaian dan hanya bergantung kepada integriti pelajar semasa kaedah penilaian dilakukan. Namun begitu, para pendidik sentiasa memastikan pelajar-pelajar jujur dalam menjawab sebarang penilaian yang dilakukan.

Norma baharu dalam penilaian terhadap pelajar juga telah mendorong kepada permintaan yang tinggi terhadap teknologi-teknologi dan aplikasi-aplikasi yang terkini. Sejak dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperuntukkan RM24 juta untuk Bantuan Pelan Data pelajar bagi kategori B40 untuk mendapatkan kemudahan internet atau peranti-peranti yang bersesuaian. Selain itu, KPT juga menawarkan pemberian bantuan tunai sebanyak RM50 kepada semua pelajar baharu dalam usaha meringankan beban pelajar untuk menanggung kos bagi mengikuti PdP secara dalam talian.

Para pendidik juga berlumba-lumba mengeksplorasi aplikasi-aplikasi yang sesuai dalam melakukan proses penilaian sama ada secara segerak (synchronous) atau tidak segerak (asynchronous). Aplikasi-aplikasi yang digunakan haruslah sesuai dengan bentuk soalan yang digunakan; sama ada soalan berbentuk objektif dan juga soalan berstruktur. Pemilihan aplikasi yang tepat adalah perlu bagi memastikan kaedah penilaian secara atas talian menghasilkan keputusan yang sama dengan kaedah konvensional dan mematuhi silibus untuk sesuatu subjek. Aplikasi-aplikasi tersebut juga perlulah mudah dicapai, senang digunakan serta tidak membebankan pelajar dari segi kos. Rajah di bawah menunjukkan beberapa contoh aplikasi yang boleh digunakan oleh pendidik untuk penilaian secara segerak atau tidak segerak.

Penilaian Atas Talian	Aplikasi
Segerak Peperiksaan Akhir, Kuiz, Ujian	<i>Learning Management System UFUTURE (UiTM), Ms Team, Google</i>
Tidak Segerak <i>take home Quiz, take home test, tugas individu atau berkumpulan</i>	<i>Learning Management System UFUTURE (UiTM), Quizizz, Socrative, Kahoot, Ms Team, Google, Quizle, Edpuzzle, Ted-Ed Lesson</i>
Penilaian projek atau disertasi melalui pembentangan	Segerak Platform video secara atas talian; Google meet, webex, Ms Team, Zoom, Webex Tidak Segerak Video recording Screencast O Matic, Camtasia, OBS Studio, Ace Thinker, screencastify, bandicam, Filmora, ShareX



Sesetengah aplikasi menyediakan fungsi autocheck terutamanya untuk soalan berbentuk pilihan. Walau bagaimanapun, terdapat soalan yang perlu dinilai secara manual oleh para pendidik, contohnya soalan yang berbentuk struktur. Para pendidik juga perlu menyesuaikan diri untuk menanda jawapan di lembaran komputer di mana terdapat pelbagai aplikasi yang boleh digunakan untuk proses penandaan lembaran jawapan. Antara aplikasi yang sesuai digunakan adalah Pdf Annotation, Good Notes, Smart Annotation dan KAMI.

Walaupun kaedah ini sukar diterima dan menimbulkan pelbagai isu, namun para pendidik perlulah melihatnya dari sudut positif. Penilaian secara atas talian dapat menjimatkan kos, pengurusan masa dan tempat secara lebih fleksibel, serta berpeluang mempelajari teknologi yang terkini. Walau apa pun cara yang digunakan oleh para pendidik, penilaian yang dihasilkan perlulah mencapai objektif sesuatu subjek dalam mengekalkan kualiti PdP. Oleh itu, semua pihak yang terlibat perlulah menyesuaikan diri dengan norma baharu dan melihatnya sebagai sesuatu yang positif.

Transformasi Ke Perniagaan Dalam Talian Dalam Era Pandemik COVID-19 Demi Kelangsungan Perniagaan

AFIZAN BIN AMER, SITI HAJAR BINTI MD. JANI

Di tengah-tengah wabak pandemik Covid-19, banyak usahawan yang telah berusaha mengubah perniagaan mereka yang bersifat offline kepada perniagaan dalam talian untuk mencari pendapatan tambahan atau melaksanakan strategi untuk bertahan kerana kehilangan sasaran pasaran sedia ada. Tetapi, sudah tentu kita mesti menentukan produk atau perkhidmatan apa yang mempunyai peluang tinggi untuk kita tawarkan dalam mengubah perniagaan sedia ada ke perniagaan atas talian.

Bagi melancarkan transformasi ke perniagaan dalam talian, pelbagai hasil tinjauan dan maklumat perniagaan, menunjukkan terdapat sejumlah perniagaan dalam talian yang akan menjadi sangat berpotensi sepanjang musim pandemik ini, termasuklah, produk kesihatan, perkhidmatan penciptaan kandungan dan jurulatih kreatif.

Produk Kesihatan Peribadi

Pandemik Covid-19 membawa kepada gaya hidup harian baru #NewNormal. Topeng dan gel tangan seperti antiseptik adalah barang wajib yang mesti kita bawa ke mana sahaja untuk mengelakkan penyebaran virus korona . Adapun vitamin yang dapat meningkatkan imuniti kesihatan dalam bentuk farmaseutikal dan bahan semula jadi seperti madu dan sebagainya, juga merupakan keperluan penggunaan yang menjadi kebiasaan. Bermula dari produk kecantikan hingga makanan, perniagaan sebagai orang tengah dan agen pemasaran online kini sangat diminati oleh warga muda selama wabak ini melanda, memandangkan perniagaan ini tidak memerlukan modal yang besar tetapi masih berpotensi untuk meraih keuntungan besar.

Perkhidmatan Penciptaan Kandungan

Sebilangan besar PKS (Perusahaan Kecil Sederhana) yang dibuka semasa wabak telah meningkatkan keperluan untuk perkhidmatan penciptaan kandungan kreatif. Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu pemilik perniagaan mempromosikan produk mereka secara intensif di pelbagai platform komunikasi, terutama media sosial, tetapi dengan anggaran promosi iklan yang berpatutan. Perkhidmatan seperti "personal shopper" pula adalah perkhidmatan yang ditawarkan untuk membeli produk bagi mereka yang tidak dapat membelinya secara langsung di lokasi dalam dan luar negara, dengan itu ia akan mengurangkan risiko terdedah kepada Covid-19 semasa melakukan aktiviti membeli-belah di luar talian



Jurulatih Kreatif

Ramai orang berminat untuk belajar kemahiran baru sehingga mereka yang mempunyai kemahiran khusus bertindak untuk menjadi pelatih atas talian yang menawarkan kursus bagi skill baru. Pada masa ini, sesi perkongsian pengetahuan umumnya diadakan dalam talian, dengan menggunakan aplikasi persidangan video seperti Zoom, Google Meet, Microsoft Team dan sebagainya.

Tetapi perlu diingat, apa sahaja jenis perniagaan yang akan anda jalankan, lakukanlah persiapan dengan teliti dan lindungi aset perniagaan dengan insurans. Krisis akibat pandemik COVID-19 di dunia dan Malaysia umumnya telah memberi kesan besar, terutama dalam mempercepat perkembangan perniagaan atas talian yang menjadikan perkembangan teknologi dan ekonomi digital negara semakin berkembang dan di sokong oleh pihak kerajaan. Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini telah melancarkan program yang di beri nama MyDigital yang akan menerajui perkembangan perniagaan atas talian dan ini melibatkan juga bagaimana mempercepat pembangunan ekonomi digital yang perlu dimanfaatkan memandangkan potensinya yang berkembang dan menjanjikan pulangan berimpak tinggi.



Prestasi sektor PKS di Malaysia tidak dapat dipisahkan dari perkembangan keadaan ekonomi umum dan juga perubahan tingkah laku masyarakat dalam situasi pandemik ini. Oleh itu, komuniti perniagaan sangat memerlukan sokongan dari semua komuniti dan pihak berkepentingan, agar bukan hanya PKS di segmene-dagang ini dapat bangkit dan Berjaya mengharungi pandemik, tetapi segmen PKS lain juga dapat mengambil bahagian dalam memanfaatkan era ekonomi normal baru ini.

Dengan beralih kepada perniagaan dalam talian, ruang dan jangkauan pengusaha perniagaan kini tidak lagi terbatas oleh jarak dan waktu. Oleh itu, pengusaha perniagaan dapat memenuhi pesanan pelanggan yang tersebar di seluruh negara dan bahkan membuka peluang di luar negeri.

Sejak wabak ini melanda bukan sahaja usahawan sahaja yang semakin rapat dengan perkembangan digitalisasi, tetapi ianya berkembang disetiap peringkat tanpa mengira jantina atau usia. Kita juga menyaksikan peningkatan transaksi yang berkembang dan peningkatan muat turun aplikasi semasa wabak. Ini menunjukkan peranan platform digital yang semakin penting dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia yang kini lebih banyak bekerja dari rumah. Perkembangan ini telah membuka beberapa peluang baru kepada para usahawan dan peniaga. Antaranya adalah seperti:-

Lebih dekat dengan pelanggan

Usahawan kini giat menyediakan kedai dalam talian atau hadir dalam talian membolehkan usahawan dan perniaga berkomunikasi lebih rapat dengan pelanggan di pelbagai peringkat. Oleh itu, komunikasi dua hala dibuat di mana pengusaha perniagaan dapat bertindak balas dengan lebih cepat terhadap keinginan para pelanggan mereka.

Menambah saluran penjualan baru

Memasuki dunia dalam talian ianya membuka peluang bagi perniagaan untuk menambah kedai tanpa kedai yang boleh diakses oleh para pelanggan walaupun tanpa perlu hadir secara fizikal. Di samping itu, bagi mereka yang tidak mempunyai kedai luar talian sebelumnya, ini dapat mengurangkan modal kedai fizikal dan mengurangkan masalah modal permulaan perniagaan. Bekerjasama dengan perkhidmatan pembayaran digital yang memberikan pelbagai faedah, dapat menarik minat pelanggan untuk melakukan transaksi atas talian.

Tidak dapat dinafikan bahawa wabak itu memberi kesan yang signifikan kepada semua pengusaha perniagaan yang berfikiran positif. Oleh itu, saya percaya, dengan keterlibatan dengan perniagaan atas talian, kita dapat memperluas jangkauan produk dan mendekati pelanggan kita. Kerjasama dengan pelbagai pihak diperlukan untuk meningkatkan perkhidmatan perniagaan atas talian untuk terus berkembang.



Dunia Alam Maya Norma Baharu Mudarat Kesihatan Mata Dan Mental

NOREHA MOHAMED YUSOF, NORANI AMIT & NOOREZATTY MOHD YUSOP

Situasi stress, penat, pedih mata, letih dan kepala berdenyut-deniyut. Pasti setiap dari kita samada yang bekerja dan belajar pada fasa norma baharu Covid-19 ini berdepan situasi yang sama. Musibah yang melanda dunia bukan sahaja dirasai oleh penduduk Malaysia malah kepada seluruh dunia. Covid-19 membuatkan kita terpaksa menjalani cara hidup norma baharu untuk bekerja dan belajar. Kehidupan yang banyak bergantung kepada kemudahan internet, menggunakan segala kemudahan teknologi elektronik dan perisian komputer untuk bekerja dan belajar. Kehidupan ini telah lebih setahun berlalu namun kesannya secara perlahan-lahan dapat dilihat dan dirasai sendiri oleh kita. Adakah mata kita masih segar bugar dapat melihat dengan jelas seperti dahulu? Adakah mental kita masih mampu bertahan dengan situasi sekarang ini?

Statistik terbaru dari UNESCO menunjukkan bahawa sektor pendidikan terjejas teruk akibat Covid-19. Secara keseluruhan, lebih 1.2 bilion pelajar terpaksa belajar di luar bilik darjah. Pembelajaran masih diteruskan namun semuanya berlaku secara dalam talian. Begitu juga untuk golongan yang bekerja. Ramai pekerja yang bekerja dari rumah; mengendalikan rumah tangga dan melakukan pekerjaan hakiki secara serentak. Adakah mampu dilakukan seiring? Adakah kesihatan mata dan mental turut terganggu? Artikel ini cuba mengupas kesan norma baharu ini.

Kini, teknologi komputer dan elektronik yang dicipta telah menjadi alat yang paling kerap digunakan saban hari. Penggunaan yang semakin meluas menjadi norma baharu manusia untuk berkomunikasi, melayari internet dan membuat pelbagai tugas oleh segenap lapisan masyarakat. Namun, timbul kebimbangan akan kesannya terhadap fungsi penglihatan di kalangan pengguna. Kajian menunjukkan penggunaan teknologi berskrin yang berpanjangan menyebabkan pelbagai kesan sampingan terhadap mata dan penglihatan. Kebiasaannya, mata akan berkelip sebanyak 10 hingga 15 kali seminit untuk mengekalkan kelembapan mata. Namun, kekerapannya berkurangan apabila mata tertumpu terlalu lama pada skrin semasa melakukan sesuatu tugas. Apabila mata kurang berkelip, ia mudah kering disebabkan oleh sejatan udara sekeliling. Seseorang mungkin mengalami ‘Computer Vision Syndrome’ dengan gejala seperti keletihan mata, mata kering dan gatal, pandangan menjadi kabur, kesukaran untuk fokus pada jarak dekat, pandangan menjadi dua (double vision), dan juga masalah-masalah berkaitan kekejangan otot di leher, bahu, serta tulang belakang.



Selain itu, kebanyakan peranti digital turut memancarkan sinar biru (blue light), iaitu cahaya bertenaga tinggi yang berfungsi untuk meningkatkan keterangan dan kejelasan skrin. Walaupun sinar biru memberi manfaat dalam meningkatkan perhatian dan perasaan (mood) seseorang, pendedahan berpanjangan kepada sinar ini boleh mendatangkan kesan negatif jangka panjang kepada penglihatan mata. Sinar biru boleh menyebabkan kerosakan sel-sel peka cahaya di belakang mata dikenali sebagai retina. Masalah penglihatan yang lebih serius akan berlaku kerana sinar yang berbahaya seperti sinar UV akan mudah menembusi mata.

Kesihatan mental pula secara umumnya dapat digambarkan melalui tahap kesejahteraan seseorang individu dari segi gaya berfikir dan emosi. Kesihatan mental bergantung kepada banyak faktor seperti persekitaran, sosial dan individu. Walaubagaimanapun, tiada definisi yang jelas untuk menggambarkan istilah kesihatan mental yang sebenar. Namun, sejak akhir-akhir ini, isu berkaitan kesihatan mental sering diberi tumpuan dikala rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup norma baharu di mana kebanyakan pekerja sektor awam dan swasta, pelajar universiti dan pelajar sekolah menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pekerjaan dan pembelajaran dari rumah. Kesan dari norma baharu yang dilalui sedikit sebanyak mengganggu kesihatan mental rakyat Malaysia. Gangguan kesihatan mental terjadi disebabkan seseorang individu mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran norma baharu atau individu tersebut sukar untuk menangani tekanan yang dihadapi. Terdapat beberapa gejala dan tanda-tanda kemungkinan seseorang individu terjejas kesihatan mental. Ia dapat dikategorikan kepada tiga bahagian utama iaitu fisiologikal, tingkah laku dan psikologi.

Gejala pertama yang dihadapi adalah dari segi fisiologikal. Fisiologikal berkait rapat dengan sistem atau fungsi tubuh terjejas dan mengganggu kehidupan sehari-hari individu. Sebagai contoh, dalam keadaan norma baharu, ibu bapa yang bekerja perlu melakukan tugas pejabat dan memantau tugas anak yang bersekolah terutama anak-anak sekolah rendah. Jika ibu bapa tidak dapat menangani tekanan yang dialami pada situasi tersebut, ia akhirnya membawa kepada risiko peningkatan tekanan darah.

Gejala kedua dapat dilihat melalui perubahan tingkah laku individu. Perubahan tingkah laku dapat dilihat melalui sikap dan perbuatan individu tersebut. Sebagai contoh, prestasi kerja individu dilihat sedikit merosot dan sukar untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah apabila bekerja dari rumah. Ia mungkin disebabkan gangguan persekitaran yang dialami yang menjadikan individu tersebut kurang fokus terhadap tugas yang diberi dan akhirnya cenderung untuk melakukan kesilapan.

Gejala ketiga pula melibatkan psikologi. Psikologi membawa maksud kajian jiwa, rohani atau mental manusia. Antara contoh-contoh yang menunjukkan seseorang individu terjejas kesihatan mental adalah mempunyai perasaan tidak bersemangat untuk memulakan aktiviti harian seperti memulakan tugas atau pembelajaran. Selain itu, seseorang individu tersebut mungkin mengalami penurunan berat badan akibat kurang selera makan dan mudah marah serta bertindak agresif dalam sesuatu situasi


yang dihadapi.



Penggunaan internet sememangnya banyak membantu kehidupan kita. Kelebihan internet ketika norma baharu ini sesungguhnya membantu melancarkan pembelajaran dan pekerjaan seluruh dunia. Namun di sebalik kelebihan kemudahan ini, terselit keburukan jangka masa panjang yang akan menggugat kesihatan mata dan mental. Kekerapan penggunaan peranti digital perlu dipantau agar risiko seperti kerabunan dan masalah mata yang lain dapat dihindari. Pencahayaan yang baik, penjarakan yang sesuai dengan skrin, penggunaan cermin mata pelindung serta merehatkan mata untuk sesuatu tempoh adalah antara amalan yang disyorkan untuk menjaga kesihatan mata. Bagi mengekalkan kesihatan mental dan fizikal, seseorang individu perlu sentiasa berfikiran positif, mengamalkan gaya hidup sihat, menjalankan aktiviti kerohanian dan mendapatkan khidmat kaunseling sekiranya masalah kesihatan mental berlarutan.




Semoga Covid-19 akan segera berakhir dengan penemuan vaksin. Tak sabar rasanya untuk menjalani kehidupan seperti fasa sebelum pandemik di mana pembelajaran berjalan dalam suasana kelas yang ceria, riuh rendah dengan soalan dan pertanyaan, serta kefahaman sesuatu topik lebih jelas. Manakala, pekerja boleh keluar bekerja agar urusan pekerjaan dapat dilaksanakan seperti sedia kala. Aktiviti sosial dan masyarakat diharap dapat berjalan seperti biasa tanpa perlu risau akan wabak ini. "Covid 19, cepat-cepatlah pergi".



COVID-19 Mendepani Cabaran Di Rumah Untuk Kekal Sihat Dan Produktif

NUR HELMI@NUR JANNAH BT AZMAN



Wabak COVID 19 yang diisytiharkan sebagai pandemik oleh WHO bermula Mac 2020 memberikan kesan mendalam kepada rakyat Malaysia. Siapa sangka wabak yang pada awalnya dikesan pada Disember 2019 di Wuhan, China yang dikatakan berpunca daripada Virus Corona akhirnya merebak ke seluruh dunia sehingga angka kematian akibat COVID 19 di seluruh dunia melepas jumlah mengerikan seramai 1.5 juta kes (3 Disember 2020), dengan beberapa negara terus mencatat rekod angka harian yang baharu. Dipendekkan cerita, segala perkara yang bebas lakukan sebelum ini menjadi begitu sukar untuk dibuat dan segala bentuk perhubungan telah ditetapkan SOP bagi mengelakkan penularan.

Ramai yang tidak pernah terfikir bekerja dari rumah berbulan-bulan lamanya. Segala urusan dilakukan secara online sehinggakan membeli sebuku roti di kedai pun terpaksa menggunakan perkhidmatan penghantaran disebabkan fobia untuk keluar rumah. Bagi yang masih mempunyai anak-anak yang masih bersekolah, secara tiba-tiba ibu bapa mentauliah diri sendiri untuk mengajar. Bukan sekadar satu subjek, kita juga guru mengaji, cikgu RBT dan segalanya.

Bagi ibu-ibu yang berkerjaya dan jarang masak di rumah sebelum ini, rasanya sudah boleh jadi tukang masak hebat mengalahkan chef selebriti di televisyen. Cakap sahaja resipi apa yang tidak dicuba, habis semuanya diulang masak berkali-kali. Letih memasak, order sahaja sementelah semuanya di hujung jari. Sampai di satu tahap, sehinggakan terpaksa diwujudkan PKP (perintah kawalan pemakanan) di rumah. Walaupun letih dengan kerja dan anak-anak, mereka memulakan hobi yang mudah dibuat di rumah.

Daripada menjahit memasak, bertukang, berkebun, hingga bersukan, emuanya dicuba. Dalam fikiran ramai orang, perintah kawalan pergerakan mungkin berlaku selama dua tiga bulan sahaja. Tidak pernah terjangkau fikiran, ia memakan berbulan hingga menjangkau tahun. Daripada badan bersaiz XL, berjaya bertukar saiz ke M berkat istiqamah bersenam, menjadi XXL pula kerana stress dek terlalu lama terperap di dalam rumah. Sayur yang ditanam belakang rumah pada mula cantik dan berjadual siramnya, sampai tua dan mati sebab ikut stress macam tuan rumah.

Namun apa yang dikatakan di atas mungkin sangat biasa bagi semua keluarga yang melalui fasa PKP, PKPB, PKPD dan PKPP. Kalaupun ada perbezaan, mungkin dari segi bilangan ahli keluarga, jenis pekerjaan, tradisi keluarga dan pengalaman menjadi atau menguruskan pesakit COVID 19. Namun begitu, cara mengatasi masalah untuk kekal sihat, positif serta produktif mungkin berbeza bagi sesetengah orang dan keluarga.

Setelah lebih setahun pandemik berlanjutan, masalah kemurungan atau tekanan perasaan ketika perintah kawalan pergerakan telah menjadi masalah global bagi rakyat Malaysia dan negara-negara seluruh dunia. Tidak hairan ada individu yang terpaksa menjalani rawatan psikologi kerana tidak mampu mengawal emosi akibat masalah yang berpunca daripada pandemik ini. Bagi manusia yang normal, kalau tidak banyak, pasti sedikit masalah ini membelenggu kita.

Bagi yang biasa bersukan dan gemar dengan aktiviti fizikal di luar rumah untuk kekal sihat, keadaan ini memang sangat mengganggu perasaan. Jangan salah anggap dengan pernyataan aktiviti fizikal di sini, kerana pelbagai aktiviti selain daripada bersenam adalah dalam kategori yang sama selagi ia mengeluarkan peluh dan menyihatkan. Apa yang ingin saya kongsikan di sini adalah cabaran dan idea untuk mengatasi masalah yang diceritakan di atas. Saya percaya umur bukan halangan untuk bersenam malahan melakukan aktiviti lasak, dan secara jujurnya saya percaya aktiviti begini banyak manfaatnya dari segi meningkatkan stamina (berkait rapat dengan aktiviti fizikal, dan tiada kaitan dengan umur), mengawal berat badan, mengawal kolesterol dalam darah seterusnya mengelakkan penyakit. Apa yang dinyatakan sangat cliché, tetapi sememangnya itu yang sebenarnya.



Pada peringkat permulaan, kenali diri sendiri dengan mengetahui jenis fizikal, jenis penyakit yang dihadapi, aktiviti atau hobi yang disukai. Senaraikan aktiviti yang ingin dicuba. Jangan paksa diri untuk ikut orang lain kerana potensi dan kebolehan adalah berbeza. Aktiviti yang mudah adalah berjogging atau berjalan (treadmill), berbasikal di rumah atau keliling rumah (kelakar pada sesetengah orang tetapi norma baru ketika pandemik), naik turun tangga, berkebun (sangat menghiburkan hati apabila keluar hasil), senamrobik (zumba, poco-poco) dan sebagainya. Hobi saya sememangnya adalah berjogging.

Pilih aktiviti yang benar-benar boleh masuk dalam jiwa. Sekiranya berasa segan dengan jiran sekeliling, abaikan sahaja kerana ianya ‘mainan perasaan’ sahaja yang sering mencipta alasan. Hakikatnya jiran tersebut cemburu dengan kita yang rajin beriadah atau mungkin mereka tidak peduli langsung pun. Jangan terlalu banyak berfikir perkara yang tidak kompleks. Cari peneman untuk motivasi dan teman paling dekat dan yang boleh dipercayai adalah pasangan kita. Kalau dulu hanya sempat dilakukan waktu hujung minggu, di kala PKP ianya boleh dibuat setiap hari. Tepuk dada tanya selera, hendak seribu daya tak hendak seribu dalih. Waktu yang biasa dipilih adalah awal pagi atau petang, bergantung pada keadaan kerja atau emosi anak-anak di rumah. Istiqamah dengan aktiviti yang dipilih dan lihat hasilnya selepas beberapa minggu. Susun semua aktiviti (kerja hakiki, memasak, mengajar anak, mengemas, bersenam) mengikut aturan. Buat jadual waktu sekiranya perlu. Pantau kesihatan dengan memeriksa tekanan darah, paras gula, dan sebagainya secara berkala.


Untuk melihat kesan-kesan ini, pantau BMI anda dan lihat kesannya sebelum dan selepas amalan kecergasan dilakukan. Sebagai contoh, mungkin kalau dulu anda sekadar larat berjalan dua kilometer dalam masa 30 minit, tidak hairan selepas enam bulan anda berjaya berlari anak tanpa berhenti selama sejam. Bagi yang membuat sasaran dan KPI untuk dicapai, tentunya istiqamah amat penting dalam mencapai kejayaan.



Saya memilih untuk bersantai tetapi tegas dalam pelaksanaan demi mencapai objektif. Rutin yang dirancang dan dilalui pada awalnya amat sukar untuk dilaksanakan tetapi akhirnya menjadi alah bisa tegal biasa. Dalam keadaan tidak sedar, rutin berlarutan sehingga menjangkau tahun 2021.

Antara kesan-kesan yang boleh dirasai selepas bulan pertama, kedua, ketiga dan seterusnya adalah penurunan berat badan (abaikan sekiranya anda memang kurus), stamina bertambah (anda tidak mudah penat dan banyak kerja harian dapat dilangsangkan dengan mudah), emosi lebih stabil dan gembira, serta jadual lebih tersusun. Kesan yang paling penting adalah badan rasa lebih sihat dan fikiran menjadi lebih fokus. Secara tidak langsung juga, ibadat kita menjadi lebih mudah, sempurna dan tertib. Kesan yang lebih besar dan dalam jangka masa yang panjang adalah kita akan menjadi lebih positif dalam menangani masalah mendatang serta sensitif dengan persekitaran. Perkara-perkara yang disebutkan ini sangat penting kerana ianya faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kualiti hidup.

Aktiviti fizikal berkait rapat dengan kesihatan dan kualiti hidup. Amalan kecergasan adalah sangat penting dalam kehidupan dan aktiviti yang dipilih perlulah disesuaikan dengan norma baru dalam mendepani cabaran memutuskan rantaian COVID 19. Faktor utama kurang aktiviti kecergasan bukanlah disebabkan kerja dan kesuntukan masa untuk meluangkan masa bersenam, tetapi disebabkan oleh sikap sendiri. Semoga wabak yang menduga kita segera pergi meninggalkan kita pelbagai perkara positif dengan tujuan untuk muhasabah diri.



“Finishing School” Norma Baharu

DR. RADZLIYANA BINTI RADZUWAN

Umum mengetahui tentang kesan langsung penularan virus Covid-19 terhadap kehidupan manusia. Di Malaysia, wabak ini telah memberi impak yang sangat besar terhadap sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan, dan pendidikan negara. Bagi program pendidikan yang dilaksanakan di UiTM, penularan virus Covid-19 telah menjelaskan pelaksanaan Program Modul Pembangunan Kerjaya (MPK) atau dahulunya dikenali sebagai ‘Finishing School’. Program anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTM Negeri Sembilan (UiTMCNS) ini telah mensasarkan pelajar-pelajar tahun akhir bagi kedua-dua peringkat diploma dan sarjana muda. Program ini merupakan inisiatif UiTM dalam mempersiapkan bakal graduan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan. Matlamat program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar menerokai dan menggilap kemahiran, nilai, sifat dan minat yang sedia ada. Selain itu, pengajuran program ini turut membantu pelajar supaya lebih mengenali potensi dalam diri masing-masing sekaligus berupaya mencipta jenama yang tersendiri.

Bagi memastikan kelangsungan pengajuran program ini ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara, UiTMCNS melalui BHEP telah mengambil langkah yang proaktif dengan mengaplikasi pengajuran program selaras dengan pembudayaan norma baharu. Hasilnya, tercetuslah idea pengajuran program MPK ini secara atas talian dan dikenali sebagai eMPK. Pengajuran program MPK secara atas talian ini secara tidak langsung membuktikan bahawa UiTMCNS sentiasa cakna dengan perubahan semasa serta menjadikannya sebagai pemangkin perubahan dalam pendidikan.




Program yang melibatkan para pelajar peringkat diploma dari UiTMCNS Kampus Rembau telah berlangsung pada 21 dan 22 November 2020. Kesemua fasilitator yang dilantik telah dipertanggungjawab untuk memastikan program yang dianjurkan berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Mereka telah berusaha sedaya mampu untuk memberikan yang terbaik. Ada di kalangan mereka berasa lebih puas dan seronok ketika menjalankan program MPK secara bersemuka berbanding secara atas talian.



Walaupun kebanyakkan daripada mereka menyatakan bahawa pada hari pertama mereka menerima email pelantikan dari BHEP, perasaan mereka bercampur baur di antara gembira, teruja, bimbang dan gementar pada masa yang sama namun, amanah perlu dilaksanakan dengan tertib. Sebagai fasilitator yang terlatih dan pernah mengikuti Kursus Training of Trainers (TOT) sebelum ini, cabaran dan dugaan ditangani dengan sabar dengan mengekalkan sikap profesional selain berlandaskan dengan pengalaman yang sedia ada – tak kenal maka tak cinta, tak cuba kita tak tahu. Pelbagai kaedah penyampaian digunakan oleh fasilitator selepas mereka menghadiri taklimat yang diadakan oleh BHEP UiTMCNS Kampus Rembau.

Bagi program MPK secara atas talian ini, pelajar perlu melengkapkan program yang berlangsung selama dua hari secara segerak dan juga tidak segerak. Dua platform secara atas talian yang digunakan adalah Webex dan Google Meet. Di samping itu, fasilitator juga menggunakan aplikasi WhatsApp bagi menubuhkan kumpulan bersama pelajar sebagai kemudahan untuk berhubung. Para pelajar diarahkan untuk melengkapkan kesemua empat unit modul eMPK bagi memenuhi keperluan program.

Tugasan pelajar yang dahulunya dijalankan secara Latihan Dalam Kumpulan (LDK) telah diubahsuai mengikut kesesuaian norma baharu iaitu dengan mengadakan perbincangan secara atas talian. Tugasan yang telah lengkap perlu dimuatnaik di aplikasi Google Classroom untuk proses penilaian dan mengukur tahap penglibatan pelajar. Secara umum, ini merupakan satu pengalaman yang baru, yang bukan sahaja menyeronokkan tetapi pada masa yang sama ianya agak mencabar. Sikap sentiasa berfikiran terbuka dan saling bekerjasama di antara BHEP UiTMCNS, kumpulan fasilitator dan para pelajar amat penting bagi memastikan kejayaan program ini.



Walaupun penularan virus Covid-19 masih belum sampai ke penghujungnya, pembudayaan norma baharu dalam kehidupan seharian diharapkan tidak terus kekal sebagai 'baharu'. Semoga ianya menjadi sebatи serta menjadi suatu amalan kebiasaan kelak. Diharapkan juga agar pelaksanaan eMPK di masa hadapan terus berjaya mencapai matlamat yang telah ditetapkan dan dapat dijalankan dengan lebih banyak penambahbaikan.

Alumni COVID-19 Kit

SITI AISHAH MOHD SHAFIE, SITI AIDA LAMAT, NOR ASHIKIN SAHROM, NUR LINA ABDULLAH, INTAN SYAHERRA RAMLI

Penularan virus Covid-19 dari ke hari semakin membimbangkan. Amalan norma baharu kehidupan dalam suasana wabak ini yang masih menular perlu diterapkan dan diperkuuhkan kepada semua rakyat Malaysia sebagai langkah pencegahan. Pelindungan diri adalah salah satu strategi dalam penerapan amalan norma baharu di mana konsep 3W yang merangkumi kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (wash), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (wear) dan amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan (warn) perlu dijadikan amalan. Sebagai inisiatif tambahan bagi membantu meringankan beban masyarakat setempat khususnya golongan sasar dalam amalan norma baharu ini, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) telah menganjurkan satu program kesukarelawan bertemakan “Alumni COVID-19 Kit”. Program ini merupakan salah satu projek di bawah ALUMNI EMPOWERMENT PROJECT (AEP) 2020 anjuran Unit of Industry, Community & Alumni Network (ICAN), UiTMCNS bagi memperkasakan serta memperkuuhkan hubungan di antara UiTMCNS dengan alumninya.



Bahagian Penyelidikan
Jaringan Industri,
Masyarakat dan Alumni

ALUMNI COVID-19 KIT UiTM N9 2020



TARIKH : 19 DISEMBER 2020
HARI : SABTU
MASA : 9:00 PAGI – 5:00 PETANG

*2000 unit Covid-19 kit akan diedarkan kepada badan-badan kebajikan terpilih

ANJURAN
UNIT OF INDUSTRY, COMMUNITY & ALUMNI NETWORK (ICAN)
PEJABAT PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT & ALUMNI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DENGAN KERJASAMA WARGA UTM CNS
DAN PERSATUAN ALUMNI UTM CNS



PJIMGA UiTM Cawangan Negeri Sembilan



PJIMGA CNS



pjimadns

Poster hebahan ‘Alumni COVID-19 KIT UiTM N9 2020’ yang disertai oleh alumni, masyarakat setempat dan kakitangan UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Program yang telah berlangsung pada 19 Disember 2020 bertempat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini melibatkan alumni dan kakitangan UiTMCNS bersama dengan badan-badan kebajikan terpilih di sekitar negeri Johor, Kelantan, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Sabah. Program ini telah berjaya mengumpulkan wakil-wakil persatuan alumni dari beberapa negeri yang terlibat dengan tujuan untuk membantu mengagihkan Alumni COVID-19 Kit yang mengandungi pelitup muka dan hand sanitizer kepada badan-badan kebajikan yang terpilih. Aktiviti pengagihan Alumni COVID-19 Kit adalah mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang telah digariskan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung. Penganjuran program ini secara tidak langsung adalah sebagai tanda komitmen dan keprihatinan alumni serta kakitangan UiTMCNS dalam menangani penularan virus COVID-19.

Dalam raga ada gula batu,
Lidi kelapa dibuat penyapu,
Alumni juga turut membantu,
Memberi apa yang mereka mampu.

Mengetuk gendang dengan perlahan,
Diketuk oleh si jejaka tampan,
Bukan senang membuat keputusan,
Masyarakat perlu faham keadaan.



Majlis penyerahan Alumni COVID-19 Kit kepada alumni oleh Dr. Siti Sara Ibrahim (tiga dari kanan barisan hadapan), Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Majlis penyerahan Alumni COVID-19 Kit kepada wakil-wakil persatuan alumni yang terlibat telah dirasmikan oleh Dr. Siti Sara Ibrahim, Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), UiTMCNS pada 15 Disember 2020 bertempat di UiTMCNS, Kampus Kuala Pilah. Cenderahati turut disampaikan kepada wakil-wakil persatuan alumni yang terlibat sebagai tanda penghargaan dalam usaha menjayakan misi sumbangan ini.



Majlis penyerahan Alumni COVID-19 Kit kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuala Pilah. Turut hadir, Encik Mohammad Ikram (empat dari kanan), Penyelaras Unit Warga Emas dan Tuan Haji Mahamad Rasid Bin Siad (lima dari kanan), Pengerusi PAWE Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Antara badan kebajikan yang terpilih adalah I-kasih Johor, Rumah Kebajikan Warga Emas Skudai, Pusat Kebajikan Masyarakat Pasir Mas, Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah Cheras, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuala Pilah, Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Dan Miskin (PEYAKIN) Rembau, Rumah Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat Rembau, Rumah Sejahtera Rembau, Persatuan Kebajikan Orang-Orang Kurang Upaya Perak Tengah, Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Baitul Sumayyah, Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Pusat Jagaan Al-fikrah Kajang, Rumah Kita Pandan Jaya, Pusat Jagaan Kanak-Kanak Yatim/Miskin Rukaiyah, Pertubuhan Kebajikan Anak Anak Yatim Ummi Selangor, Rumah Amal Asnaf Al-barakh, Myfund Action, Sabah Welfare Volunteer Centre dan Pertubuhan Kebajikan Shi Fang. Badan-badan kebajikan yang terpilih berasa amat berbesar hati menerima Alumni COVID-19 Kit dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada UiTMCNS atas sumbangan yang telah diberikan.



Majlis penyerahan Alumni COVID-19 Kit kepada Pusat Kebajikan Rumah Sentuhan Budi, Petaling Jaya, Selangor.

Di dalam era yang semakin mencabar ini, tidak dapat dinafikan bahawa peranan alumni dalam pembangunan sesebuah universiti amatlah penting. Sumbangan serta penglibatan di dalam aktiviti kesukarelawan dapat melahirkan alumni yang lebih proaktif, optimis, positif, berkualiti, berdisiplin dan beretika. Alumni perlu kekal aktif dan dinamik untuk menjadi agen perubahan kepada pembangunan negara. Oleh itu, adalah diharapkan agar setiap alumni dapat memainkan peranan bagi menerapkan pemahaman mengenai nilai, tanggungjawab dan kepentingan kerja-kerja kemasyarakatan untuk diperlakukan dalam kehidupan. Penglibatan alumni bersama warga universiti dapat memperkuatkan hubungan yang sedia ada serta menjadi saluran kepada komuniti untuk menyampaikan perkembangan terkini universiti.

Semoga semangat kesukarelawan sebegini dapat dikejarkan dan diteruskan pada masa akan datang dengan melibatkan lebih ramai alumni UiTMCNS serta mereka yang memerlukan.

Dompet Digital : Berbelanja Dengan Selamat

**WAN ARYATI WAN GHANI, SALIZA RAMLY, NORMAZIAH ABDUL RAHMAN,
SRI YUSMAWATI MOHD YUNUS, HASLINDA NORADZAN**

Terkini, dunia sedang dilanda krisis pandemik Koronavirus atau dikenali sebagai COVID-19, yang tidak pernah dikesan jangkitannya kepada manusia sebelum ini. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan mengenai peningkatan yang tinggi bagi bilangan kes positif virus COVID-19 dengan angka kematian yang meningkat saban hari di seluruh dunia. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga telah mengisyiharkan 27 Disember sebagai Hari Kesiapsiagaan Wabak Antarabangsa berikutan wabak yang membawa maut ini kini telah meragut jutaan nyawa sejak pertama kali ianya dikesan hampir setahun yang lalu.

Penularan virus ini secara tidak langsung telah merencatkan pertumbuhan sektor-sektor utama seperti perdagangan dan pengedaran serta perkhidmatan yang meliputi perkhidmatan kewangan dan rantaiannya, kesihatan dan pendidikan. WHO, dengan kerjasama beberapa agensi berkaitan sedang bertungkus lumus dalam usaha menangani serta mencari solusi agar penularan virus COVID-19 dapat dibendung sebelum vaksin yang selamat dan berkesan dapat dihasilkan dan digunakan sepenuhnya. Walaupun penghasilan dan penggunaan vaksin dilihat sebagai satu solusi utama untuk menghentikan penularan virus ini, ianya akan mengambil tempoh masa yang agak lama sebelum vaksin tersebut dapat diagihkan kepada sekurang-kurangnya 60% dari jumlah populasi bagi mencapai imuniti kelompok.

Justeru, pelbagai langkah pencegahan perlu terus diamalkan supaya kadar kebolehjangkitan virus yang boleh membawa maut ini dapat dikurangkan. Salah satu daripada langkah yang disarankan bagi membendung penularan virus ini adalah melalui pengurangan penggunaan wang kertas yang dilihat sebagai sebahagian daripada ejen penyebaran wabak. Ini kerana sentuhan dengan wang yang beralih tangan daripada individu berjangkit boleh menyebabkan penularan wabak. Oleh yang demikian, penggunaan dompet digital (e-wallet) merupakan pilihan yang terbaik bagi menggantikan transaksi menggunakan wang fizikal dalam urusan jual beli. Melalui penggunaan dompet digital, tiada sentuhan atau peralihan objek berlaku ketika proses pembayaran. Hasilnya, risiko penyebaran virus COVID-19 dapat dikurangkan. Malah, pengguna dompet digital memilih untuk tidak menggunakan wang fizikal ketika proses pembayaran kerana mereka berasa lebih selamat untuk menggunakan teknologi terkini ini. Proses pembayaran berlaku tanpa sentuhan atau peralihan objek kerana ianya dilakukan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi di dalam telefon pintar.

Dompet digital, yang merupakan sebuah aplikasi yang berfungsi sama seperti dompet fizikal, merupakan teknologi terkini pilihan pengguna untuk membeli-belah tanpa menggunakan wang fizikal. Penggunaan aplikasi dompet digital, telah menjadi tren di kalangan rakyat Malaysia dan juga penduduk di serata dunia. Ianya semakin menjadi satu keperluan utama berbanding sebelum ini kerana dilihat sebagai satu teknologi yang mudah, selamat dan efektif dari segi penggunaan, kos dan juga masa. Penggunaan teknologi ini secara meluas dengan kemudahan yang disediakan oleh institusi kewangan dan fasiliti di premis perniagaan turut menjadikan pengguna berasa lebih selesa untuk membeli-belah dan melakukan sebarang transaksi dengan selamat. Antara aplikasi dompet digital yang menjadi tren di Malaysia pada masa kini adalah Touch n Go e-Wallet, GrabPay, dan Boost.



Aplikasi Dompet Digital Yang Menjadi Tren Di Malaysia Pada Masa Kini

Teknologi Telefon Pintar Dan Aplikasi Dompet Digital


Seiring dengan kemajuan teknologi telefon pintar dan aplikasi mudah alih, penggunaan aplikasi dompet digital kini menjadi pilihan pengguna selain daripada transaksi tunai dan penggunaan kad debit dan kad kredit. Penggunaan aplikasi dompet digital disokong oleh teknologi dan perkakasan yang membolehkan ciri-ciri seperti kod QR, pembayaran atas talian dan kad prabayar dimanfaatkan secara optimum. Aplikasi ini bukan sahaja dapat memudahkan urusan pengguna untuk membeli-belah, malah dapat menjamin keselamatan pengguna kerana mereka tidak perlu membawa wang tunai yang banyak ketika membeli-belah. Aplikasi dompet digital ini juga turut menawarkan insentif berbentuk mata dan ganjaran (points and rewards) apabila menambah nilai atau melakukan transaksi.

Dompet digital: Touch 'n Go

Inisiatif e-Tunai dengan menggunakan Touch 'n Go e-Wallet yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia pada awal tahun 2020 telah berjaya menarik 70% rakyat Malaysia untuk memilih aplikasi tersebut sebagai langkah untuk mengubah Malaysia sebagai 'negara tanpa tunai' atau 'cashless nation' menjelang tahun 2020 melalui pembayaran mudah alih. Sehingga kini, Touch 'n Go e-Wallet mempunyai lebih 8 juta pengguna dan transaksi di lebih 280, 000 rakan niaga yang terdiri dari pelbagai rangkaian perniagaan dan perkhidmatan seperti pembayaran tol dan tambang, pasaraya dan kedai serbaneka, restoran, farmasi dan kesihatan, penginapan dan lain-lain.

Dompet digital: Boost

Aplikasi Boost turut menjadi pilihan lebih 9 juta rakyat Malaysia dengan menawarkan perkhidmatan bukan sahaja kepada premis perniagaan makro tetapi juga di premis-premis perniagaan mikro serta industri kecil dan sederhana. Peningkatan dari 60% ke 85% sektor perniagaan yang menawarkan pembayaran menggunakan aplikasi Boost dicatatkan sejak pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Terkini, Boost menjalin kerjasama strategik dengan Setel, yang merupakan aplikasi pertama yang membawa pengalaman mengisi minyak dan berbelanja dengan lancar kepada pelanggan Petronas. Kerjasama strategik ini seiring dengan matlamat Boost untuk mewujudkan kebolehoperasian di antara lebih daripada satu aplikasi dompet digital.



Dompet digital: MAE (Maybank)

Selain daripada aplikasi dompet digital yang telah dinyatakan, pada akhir tahun 2020, Maybank telah melancarkan produk terbarunya yang juga merupakan aplikasi dompet digital yang dinamakan sebagai MAE. MAE yang membawa maksud 'Maybank Anywhere Everywhere', akan bersaing penggunaannya dengan aplikasi dompet digital yang lain. Menurut Presiden Kumpulan Maybank dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Abdul Farid Alias, aplikasi Maybank2u yang sedia ada bakal difasakeluarkan dan aplikasi MAE akan mengambil alih fungsi Maybank2u sepenuhnya dengan ciri-ciri baru dompet digital. Pada awal tahun ini, terdapat peniaga-peniaga kecil yang telah mula menggunakan kaedah pembayaran melalui MAE ini. Dijangka akan lebih ramai lagi pengguna yang akan menggunakan aplikasi MAE ini terutamanya di kalangan pemegang akaun Maybank apabila aplikasi Maybank2u yang sedia ada difasakeluarkan. Pengguna akan memilih untuk menggunakan kaedah pembayaran yang mudah ini untuk membeli belah dengan selamat.

Inovasi Disruptif Dompet Digital Terhadap Penggunaan Wang Fizikal

Penggunaan aplikasi dompet digital telah mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja di kalangan pengguna malah peniaga-peniaga kecil turut tidak ketinggalan untuk mengambil peluang mengoptimalkan penggunaannya. Secara keseluruhan, aplikasi dompet digital ini dilihat sebagai satu inovasi disruptif. Dalam erti kata yang lain, ia secara perlahan-lahan mengambil alih kaedah transaksi tradisional iaitu pembayaran menggunakan wang fizikal. Ini kerana pengguna berasa lebih selamat dan lebih yakin apabila menggunakan aplikasi dompet digital berbanding wang fizikal. Penggunaan aplikasi ini juga secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar jenayah ragut dan samun. Satu kajian terhadap penggunaan aplikasi dompet digital yang telah dijalankan oleh MasterCard menunjukkan bahawa Malaysia berada di kedudukan yang paling tinggi di Asia Tenggara diikuti oleh Filipina, Thailand dan Singapura. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi dompet digital telah diterima secara meluas oleh rakyat Malaysia. Keadaan ini secara tidak langsung dapat membantu memacu negara ke arah perkembangan ekonomi yang lebih baik dengan pelbagai inisiatif dan galakkan daripada kerajaan mahupun pemain-pemain utama di sektor perniagaan.

Dengan penggunaan aplikasi dompet digital yang semakin mendapat tempat di hati rakyat Malaysia ini, dapat disimpulkan bahawa, ia hanya dilihat sebagai satu trajektori terhadap pembentukan norma baharu bagi menjamin keselamatan pengguna terutamanya ketika membeli belah. Aplikasi dompet digital dapat memudahkan urusan pengguna ketika membeli belah kerana mereka tidak perlu membawa wang tunai yang banyak tetapi hanya perlu menggunakan telefon pintar bagi tujuan pembayaran. Melalui cara ini, urusan jual beli dapat berjalan dengan lebih lancar. Jadi, adakah kita akan menjadikan penggunaan aplikasi dompet digital sebagai budaya baru bagi tahun 2021 ini untuk membeli belah, menempah makanan dan urusan membeli barang runcit? Norma baharu cara baharu.

Rujukan:

- <https://www.tngdigital.com.my>
- <https://www.grab.com/my/press/business/grabpay-malaysia-wins-best-e-wallet/>
- <https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/10/08/maybank-revamps-its-mae-ewallet-adds-debit-card>
- [https://www.astroawani.com/berita-bisnes/malaysia-duduki-tangga-teratas-penggunaan-ewallet-di-asia-tenggara-kajian-mastercard-248440, Jun 23, 2020](https://www.astroawani.com/berita-bisnes/malaysia-duduki-tangga-teratas-penggunaan-ewallet-di-asia-tenggara-kajian-mastercard-248440)
- <https://covid19.who.int/>
- <https://www.sinarharian.com.my/article/113807/BERITA/Nasional/PBB-isytihar-27-Disember-Hari-Kesiapsiagaan-Wabak-Antarabangsa>
- <https://www.myboost.com.my/>

Peruntukan Undang-Undang Dalam Norma Baharu: Apa Yang Perlu Kita Tahu?

DR. ANIE FARAHIDA OMAR , MOHD SYAHRIL IBRAHIM

Semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac 2020, pelbagai sektor mengalami kerencangan ekonomi kesan daripada Garis Panduan dan Operasi Standard (SOP) yang diperkenalkan oleh kerajaan. Begitu juga dengan sektor perundungan di negara ini. Meskipun, perjalanan kesesuaian di mahkamah tetap berjalan seperti biasa sama ada secara atas talian atau bersemuka, namun banyak prosiding tertangguh hingga menyebabkan perkhidmatan guaman turut terjejas.

Namun demikian, di sepanjang tahun 2020, Parlimen telah berjaya meluluskan 10 Rang Undang-Undang (RUU) serta menambah 5 lagi RUU yang akan dibawa ke persidangan yang berikutnya. Contohnya, RUU Perbekalan 2021, RUU Kewangan 2020 dan RUU Cukai Jualan (Pindaan) 2020. Selain daripada 10 RUU yang telah diluluskan, terdapat 3 undang-undang baharu yang signifikan untuk dikupas, bersesuaian dengan norma baharu ini:



The graphic features a yellow header with the text "FAQ PROKLAMASI DARURAT 2021". Below the header, there are two sections of text with blue borders. The first section asks "Adakah tentera akan terlibat dalam pelaksanaan Darurat ini?" and provides an answer about military involvement in COVID-19 control. The second section asks "Adakah petugas kesihatan mempunyai apa-apa peranan atau kuasa tambahan dalam tempoh Darurat ini?" and provides an answer about health workers' roles. At the bottom left, there is a small image of a medical professional in a protective suit. The bottom right corner has the number "4".



1. Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 (Akta 829)

Akta 829 yang berkuatkuasa selama 2 tahun bermula dari 23 Oktober 2020 ini, dilihat sangat penting kepada individu dan syarikat yang terkesan dengan PKP, seterusnya menyokong hasrat kerajaan untuk memutuskan rantai COVID-19. Kewujudan Akta ini dapat menyelesaikan pertikaian antara pihak-pihak tanpa membabitkan proses undang-undang yang rumit. Sebaliknya, pertikaian dapat diselesaikan melalui perkhidmatan pengantaraan Pusat Mediasi COVID-19 yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Bagi mencapai tujuan tersebut, Akta 829 berkeupayaan untuk mengatasi peruntukan yang terdapat dalam undang-undang bertulis lain sekiranya terdapat percanggahan. Akta ini jelas menyokong inisiatif pemulihan ekonomi oleh kerajaan melalui Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Sebagai contoh, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan penangguhan bayaran balik pinjaman bank (Seksyen 22), penyusunan semula kad kredit (Seksyen 19-20), serta pinjaman korporat bagi meringankan beban rakyat yang terkesan sepanjang tempoh yang diberikan.

Selain itu, Seksyen 7 menyatakan sekiranya terdapat pihak yang tidak mampu menunaikan obligasi kontraktual di sepanjang tempoh akta ini diwartakan, pihak lain tidak boleh menjalankan haknya di bawah kontrak.

Sampel kes: Amran telah melanggan pakej haji dengan Syarikat Iman Sdn. Bhd., untuk menunaikan haji pada tahun 2020. Namun, pada 11 Jun 2020, kerajaan mengumumkan penghantaran jemaah haji untuk tahun tersebut telah ditangguhkan. Oleh itu, selaras dengan Seksyen 7, Amran dan Syarikat Iman adalah terhalang daripada mengambil tindakan undang-undang kerana gagal menunaikan obligasi kontraktual.

2. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021

Pada 11 Januari 2021, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenan cadangan Mesyuarat Jemaah Kabinet bagi melaksanakan Proklamasi Darurat setelah penularan wabak COVID-19 semakin membimbangkan. Oleh itu, ordinan tersebut telah diwartakan selama 2 tahun berkuatkuasa mulai 11 Januari 2021, selaras dengan Perkara 150 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan. Antara sebab utama proklamasi ini diisyiharkan adalah kerana kerajaan mahu memastikan keluk jangkitan COVID-19 dapat dilandaikan dengan lebih cepat dan berkesan.

Apakah implikasi daripada proklamasi ini?

Proklamasi ini mengundang perbahasan hangat di kalangan rakyat apabila Sidang Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidak dibenarkan bersidang (Seksyen 14 dan 15), serta Pilihan Raya Umum, Negeri dan Kecil tidak boleh diadakan di sepanjang tempoh darurat berlangsung (Seksyen 12 dan 13).

Menurut Seksyen 3 hingga 5, Yang di-Pertuan Agong atau pihak yang diberi kuasa boleh mengambil secara sementara tanah, bangunan atau apa-apa bentuk harta alih daripada sesiapa bagi tujuan yang bersesuaian dalam memerangi COVID-19. Pampasan yang bersesuaian akan diberikan kepada pihak tersebut, namun tafsiran pampasan adalah muktamad dan konklusif serta tidak boleh dicabar dalam mana-mana Mahkamah.

Selain itu, Seksyen 11 turut membenarkan Perdana Menteri dan kuasa eksekutif yang lain untuk terus menjalankan fungsi eksekutif seperti yang telah diperuntukkan di bawah undang-undang sedia ada. Seksyen 10 pula memperuntukkan bahawa tiada tindakan guaman boleh diambil terhadap kerajaan atau penjawat awam yang melaksanakan tugas dengan suci hati demi mencegah dan membendung penularan COVID-19.


3. Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021)

Seiring dengan proklamasi darurat oleh Yang di-Pertuan Agong, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memasukkan 5 peruntukan baru di dalam ordinan ini bagi memenuhi keperluan proklamasi tersebut. Bermula 11 Mac 2021, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan-badan berkanun diberi kuasa untuk menguatkuasakan pematuhan SOP dalam tempoh darurat. Sebagai contoh, mereka diberi kuasa di bawah Seksyen 25 untuk mengeluarkan kompaun kesalahan yang bernilai tidak melebihi RM10 ribu bagi individu, dan tidak melebihi RM50 ribu bagi pertubuhan perbadanan.

Manakala Seksyen 31 pula telah meluaskan skop punca kuasa pihak berkuasa bagi mengenakan penalti bagi kesalahan yang tidak terdapat di dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), iaitu akta utama yang selama ini memantau perkara yang berhubung dengan wabak COVID-19.

Sampel kes: Maria merupakan warganegara Malaysia yang layak menerima vaksin COVID-19, namun bukan merupakan petugas barisan hadapan mahupun tergolong dalam kategori yang berisiko tinggi yang membolehkan beliau untuk mendapat suntikan awal. Sebaliknya, Maria dijadualkan untuk mendapat suntikan vaksin pada Januari 2022. Maria berjaya ‘memotong giliran’ dengan mendapat suntikan tersebut pada April 2021 melalui bantuan kawan baik beliau yang bertugas di barisan hadapan. Meskipun kesalahan ini tidak dinyatakan secara jelas di dalam akta, namun kedua-dua pihak boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50 ribu atau dipenjara maksimum 6 bulan berdasarkan Seksyen 31.

Terdapat isu hangat di media sosial berhubung dengan tempoh kuarantin menteri hanya 3 hari berbanding 10 hari yang ditetapkan sebelum ini. Namun demikian, keputusan ini selari dengan Seksyen 29 (1) Akta 342 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana individu atau golongan daripada dikuatkuasakan sebarang peruntukan di bawah akta tersebut.



Penggubalan undang-undang baru ini bertujuan untuk melindungi semua pihak dari pelbagai sudut. Kepada yang ingkar dengan arahan semasa oleh pihak kerajaan haruslah bertanggungjawab dan membayar hukuman atau denda yang terkandung dalam peruntukan undang-undang tersebut. Justeru, peranan undang-undang dalam norma baharu ini sangat penting bagi mengekalkan kestabilan ekonomi, politik dan menjamin kedaulatan dan keselamatan negara. Semua pihak seharusnya lebih cakna dan ambil peduli dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa bagi menyokong pihak kerajaan menangani wabak COVID-19 dengan lebih cekap dan berkesan.

Rujukan:

Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020

Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988

Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu)

Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021)

Jangkaan Perkembangan Fesyen 2021 Apabila Pandemik Tidak Berakhir

AFIZAN BIN AMER, SITI HAJAR BINTI MD. JANI

Tahun 2020 dipenuhi dengan trend gaya berpakaian santai dan selesa kerana kehidupan sehari-hari kita semasa pandemic semakin berubah. Yang bekerja di pejabat kini kebanyakannya bekerja dari rumah, yang mana banyak di kalangan pekerja profesional kini mengenakan pakaian yang lebih santai dan bersifat kasual disebabkan mereka lebih menghabiskan banyak masa hanya di rumah.


Di antara trend pakaian semasa pandemik tahun 2020 adalah fesyen yang melibatkan pemilihan mewarnai sendiri pakaian. Teknik yang digunakan untuk mewarna pakaian ialah dengan mengikat pakaian secara umum dengan alas putih, kemudian mencelupkannya ke dalam air yang telah dicampurkan pewarna kain menjadikan seseorang itu dapat menzahirkan sifat kreatif mereka melalui karya mereka sendiri.

Hasilnya, trend pakaian yang mempunyai corak abstrak sederhana kini menjadi kenyataan. Ini merupakan tumpuan para pemasar pakaian dalam tahun 2020. Teknik tersebut tidak terhad pada pakaian tetapi juga kasut.



Pastikan topeng anda terdiri dari kain, bernafas, dan mempunyai tiga lapisan mengikut cadangan WHO.

Memasuki tahun 2021, majoriti pengguna masih diminta untuk tinggal di rumah dan mempunyai pergerakan yang terbatas kerana virus Covid-19 yang masih berada di sekitar kita. Namun, ini tentunya tidak boleh menghentikan kita daripada memiliki gaya berpakaian yang bergaya dan lebih segar dengan mengikuti trend serta kreativiti sendiri. Oleh itu, trend apakah yang diramalkan akan meningkat pada tahun 2021? Inilah ulasan dan pandangan saya dari kaca mata orang pemasaran.



Topeng bercorak dan boleh digunakan semula

Topeng yang kini menjadi perkara wajib semasa keluar dan berada di kawasan awam kini akan dilihat sebagai menjadi aksesori wajib yang mewakili personaliti para pengguna. Para pengguna menyukai topeng yang lebih santai dan ianya boleh mewakili personaliti mereka. Apabila mereka harus meninggalkan rumah semasa wabak ini mereka terus ingin bergaya dalam keadaan santai, jadi topeng telah menjadi trend perhiasan pada hari ini.

Namun, untuk menjadikannya lebih bergaya, para ahli pemasaran mula memasukkan unsur unsur warna dan mungkin karakter superhero kegemaran pengguna. Di samping itu, pengguna boleh mencuba memakai topeng kain berpolka yang boleh digabungkan dengan pelbagai perhiasan bersama pakaian mereka. Terdapat banyak pilihan topeng yang boleh mereka pilih, seperti sulaman, atau corak unik dari bahan dasar topeng. Pastikan topeng anda terdiri dari kain, bernafas, dan mempunyai tiga lapisan mengikut cadangan WHO. Kelebihan topeng kain ini ialah pengguna dapat mencuciinya dengan bersih dan menggunakan berulang kali, tanpa perlu membeli banyak topeng. Sudah tentu, ia juga mesra alam dan menjadikan pengguna nampak lebih bergaya.

Pakaian yang bewarna terang dan ceria

Pakaian dengan warna cerah dan ceria atau 2C diramalkan menjadi trend tahun ini. Warna-warna terang seperti biru, dan kuning, boleh menjadikan si pemakai kelihatan lebih segar. Dalam keadaan pandemic para pengguna perlu kelihatan lebih segar juga boleh kelihatan lebih ceria dengan menggabungkan warna-warna terang pada aksesori, beg, kasut, atau bahkan langsung pada pakaian yang mereka gaya kan. Anda tidak perlu risau kerana kelihatan mengenakan warna yang kontra pada zaman pandemik, kita kan telah terbiasa dengan perkataan “NEW NORMAL”. Sebenarnya, warna-warna terang ini akan menjadikan para pengguna kelihatan lebih menonjol dan berketerampilan.



Bahagian pakaian atas dan bawah yang longgar

Oleh kerana kita masih diharuskan tinggal di rumah, tentunya kita memerlukan pakaian yang selesa tetapi tetap menarik untuk menjalankan rutin kita. Bahagian atas dan bawah yang longgar pada pakaian diramalkan akan tetap menjadi pilihan ramai orang pada tahun 2021 kerana keselesaan mereka di zaman pandemik. Secara umum, pakaian yang longgar juga mempunyai pelbagai fungsi, yang dapat dipakai ketika bersantai di rumah, tetapi tetap membuat anda kelihatan menarik dan rapi ketika keluar sekiranya diperlukan.

Para peminat fesyen masih harus mempunyai penampilan yang menarik walaupun berada di dalam rumah. Ini tentu saja dapat dilakukan dengan mengikuti trend. Dengan penampilan sebegini, si pemakai kelihatan lebih segar dan bermotivasi untuk menjalankan aktiviti rutin pada tahun 2021. Bahkan ini dapat serba sedikit mengelakkan kebosanan anda berada di rumah dan rasa terkongkong oleh suasana sekeliling. Ini yang dilihat dari perspektif pemasaran fesyen pada tahun ini meliputi untuk melaksanakan ketetapan yang telah pihak berwajib tetapkan untuk kita dalam masa pandemik ini.

Sememangnya para pemasar fesyen akan mencuba memperlihatkan penampilan yang berbeza mengikut trend untuk pengguna dengan mengambil peluang ke atas suasana pandemik, dengan melakukan berbagai jenis promosi untuk menampung kerugian semasa pandemik. Pamerkanlah gaya fesyen terbaik anda pada tahun baru walaupun dalam masa pandemik dan tampil bergaya.

Norma Baharu Prasarana Pendidikan dari Perspektif Telekomunikasi Data

MOHAMED FAIDZ BIN MOHAMED SAID

Dalam mengharungi kesan daripada pandemik Covid-19 yang melanda dunia ini, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan terutamanya bagi menyediakan kemudahan prasarana asas kepada rakyat. Namun, masalah telekomunikasi menjadi isu utama yang kerap dibincangkan dalam usaha untuk meneruskan kesinambungan pembudayaan norma baharu di Malaysia. Di antara isu telekomunikasi yang sangat kritikal adalah penyediaan prasarana Internet bagi tujuan pendidikan.


Komunikasi data wayar di Malaysia masih belum dapat disediakan sepenuhnya. Oleh itu, komunikasi data tanpa-wayar menjadi pilihan kerajaan mahupun korporat untuk membekalkan prasarana capaian Internet kepada para pelajar yang berada di kawasan luar bandar. Malangnya, masalah telekomunikasi data ini bukan sahaja dihadapi oleh para pelajar yang berada di kawasan luar bandar tetapi juga para pelajar yang tinggal di luar kawasan liputan rangkaian. Oleh itu, pelbagai kaedah baru dalam komunikasi data tanpa-wayar diperkenalkan bagi menyelesaikan masalah ini.

Secara asasnya, komunikasi data tanpa-wayar berlaku di antara peranti pengguna dengan stesen sel asas ataupun titik capaian. Terkini, komunikasi antara peranti-ke-peranti boleh berlaku secara terus tanpa melibatkan perangkaian sebagai perantara (Gambarajah 1). Ini bukan sahaja memberikan faedah kepada urusan trafik data dalam rangkaian ini, tetapi juga meningkatkan keberkesanan tenaga dan meluaskan capaian Internet.



Di samping masalah telekomunikasi data yang dihadapi oleh para pelajar, permintaan terhadap trafik data dijangka akan meningkat secara mendadak dalam beberapa tahun akan datang. Oleh yang demikian, pelbagai segmen baru sedang diterokai untuk memenuhi permintaan bagi perangkaian tanpa-wayar generasi kelima dan keenam nanti.

Komunikasi di antara peranti-ke-peranti menjadi lebih efisien apabila pengguna berada berhampiran di antara satu sama lain secara fizikal. Dengan cara ini, sumber-sumber radio yang penting dapat dibebaskan dan boleh digunakan kawasan-kawasan yang lain. Oleh kerana komunikasi berlaku di antara peranti-peranti yang berhampiran, tenaga yang kurang akan digunakan untuk menyediakan kadar data yang tinggi terutamanya di kawasan penghujung sel.





Gambarajah 1



Kaedah ini boleh dianggap sebagai efektif bagi menyelesaikan masalah telekomunikasi data yang dihadapi oleh para pelajar walaupun mereka berada di luar kawasan liputan rangkaian dan dalam suasana kecemasan seperti bencana alam. Semasa berlakunya bencana, prasarana perangkaian tidak berfungsi atau berada di bawah keupayaan minimum. Peranan perangkaian digunakan untuk membekalkan pengesahan, kebenaran serta sumber radio untuk melancarkan komunikasi di antara peranti-ke-peranti. Oleh itu, komunikasi antara peranti-ke-peranti ini menjadi komunikasi sandaran yang penting dalam situasi di mana terdapat kegagalan infrastruktur perangkaian dan juga bencana alam.

Peranan perangkaian digunakan untuk membekalkan pengesahan, kebenaran serta sumber radio untuk melancarkan komunikasi di antara peranti-ke-peranti.

Dalam isu capaian Internet dan pengguna yang sedang menghadapi bencana, penggunaan pesawat udara tanpa pemandu juga boleh digunakan untuk dijadikan sebagai stesen asas terbang (Gambarajah 2). Penggunaan pesawat udara tanpa pemandu ini telah mendapat liputan yang meluas sejak kebelakangan ini disebabkan oleh kepentingan penggunaannya dalam aplikasi tentera serta awam. Malah, penekanan yang luar biasa juga diberikan kepada pesawat udara tanpa pemandu dalam sektor telekomunikasi. Ini disebabkan oleh terdapat pelbagai faedah yang boleh diperolehi seperti meningkatkan rangkaian komunikasi tanpa-wayar dari aspek kualiti sesuatu servis, liputan, penyambungan, kebolehpercayaan, serta kapasitinya.



Terdapat banyak kajian yang sedang dijalankan oleh para penyelidik dalam bidang telekomunikasi untuk menghasilkan teknologi baru dari pelbagai sudut samada perkasan mahupun data. Penyelidikan yang dijalankan tergolong dalam tiga kategori utama iaitu prestasi, protokol dan juga sistem penyiaran. Oleh itu, dijangkakan teknologi baru dalam dunia telekomunikasi data, hasil daripada kejayaan penyelidikan terkini dalam pelbagai segmen baru perangkaian tanpa-wayar generasi kelima dan keenam dapat membantu dalam meneruskan kesinambungan pembudayaan norma baharu di Malaysia terutamanya dalam sektor pendidikan.

Digital Ekonomi Dan Norma Baru 2021

MOHD AZLAN MAJID , AFIZAN AMER

Berbicara terhadap norma baru, tidak semua masyarakat dunia termasuk di Malaysia boleh menyangka perubahan yang begitu ketara kepada kehidupan seharian kita. WFH, apa itu? Inilah perkataan yang diperkatakan pada masa pandemik COVID-19. Tetapi sekarang Work From Home ataupun akronimnya WFH telah menjadi norma baru dalam kehidupan seharian ramai orang.

Menurut sejarah, perubahan tidak dapat dielakkan daripada ketamadunan manusia. Mengimbau pada tahun 1960, revolusi telefon mewujudkan pekerjaan operator telefon pada yang berfungsi untuk menyambung panggilan telefon yang disebabkan sambungan panggilan telefon terpaksa menggunakan cara manual dan analog. Melepas tahun 2000, kemajuan telekomunikasi terutama telefon yang digunakan untuk melayari internet setelah kebangkitan teknologi internet generasi ketiga (3g). Persoalannya, apakah nasib pekerja operator telefon sebelum ini? Adakah perubahan tersebut membawa keburukan yakni kehilangan pekerjaan oleh operator telefon terbabit ataupun membawa kebaikan iaitu mewujudkan pekerjaan digital seperti perekra bentuk laman sesawang, pemasaran digital yang mempunyai pendapatan yang tinggi?

Malaysia telah mencapai status negara pendapatan pertengahan pada 1979. Tetapi hingga sekarang, kita masih belum mencapai status negara maju yakni setelah 42 tahun. Berbeza dengan negara seperti Korea Selatan dan Taiwan yang memerlukan masa 15 tahun sahaja untuk sampai dikategorikan sebagai negara maju setelah bermula mencapai status negara pendapatan pertengahan. Jika dilihat statistik negara Malaysia mencapai indeks mudah melakukan perniagaan pada tangga ke-12 dunia.

Tetapi jika dilihat lebih mendalam indeks ini adalah mengukur kekuatan statistik yang besar terutama kemudahan pelaburan dan sebagainya. Ia mencerminkan Malaysia adalah negara yang mudah untuk melakukan perniagaan dan pelaburan berskala besar yang menguntungkan firma multinasional. Tetapi jika dikaji lebih terperinci dan mendalam, indeks mudah memulakan perniagaan kecil dan sederhana didapati Malaysia mendiami tangga ke 126.

Dua permasalahan yang kita dapat disimpulkan disini. Pertama, daripada sudut pelaburan antarabangsa, Malaysia adalah negara dinamik dan menjadi sasaran pelaburan antarabangsa disebabkan kedudukan yang strategik dan mempunyai tenaga mahir yang tinggi. Tetapi industri kecil dan sederhana bergelut untuk meneruskan perniagaan terutama yang dipanggil perniagaan mikro dan dapat dilihat menerusi indeks perniagaan kecil dan sederhana yang hanya mencapai tangga ke 126 dunia.



Kedua, terdapat kekurangan inovasi yang dapat mendorong negara Malaysia kepada negara berpendapatan tinggi. Ini disebabkan jika dilihat negara seperti Korea Selatan yang mencapai negara maju dilihat, mereka sangat proaktif dalam penciptaan inovasi dan dapat diaplikasi dalam pengeluaran dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara amnya. Adakah norma baru menyebabkan jurang digital di dalam negara semakin meluas?

Pakar ilmuan ekonomi melihat pemulihan ekonomi di Malaysia dalam bentuk V. Ini bermaksud pada tahun 2020 ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan negatif iaitu -5.6%, dan dijangka akan meningkat kepada angka dalam positif 5 hingga 6% pada tahun 2021. Adakah ini kebenarannya? Adakah semudah itu sahaja? Pendek kata perumpamaan penamat drama swasta yang indah? Tentulah tidak.


Ini disebabkan jika kita mahu melihat kesan ekonomi, kita tidak boleh melihat kesan dari sudut makroekonomi, tetapi ia daripada mikroekonomi dan makroekonomi secara serentak. Banyak ilmuan ekonomi berbicara pemulihan ekonomi di Malaysia memang mudah tetapi kesannya kompleks. Ini disebabkan oleh beberapa perkara. Banyak ahli ekonomi membincangkan pemulihan di Malaysia akan berbentuk V itu adalah secara harafiah.



Kemungkinan pemulihan ekonomi di Malaysia akan berbentuk K. Ini disebabkan, sekiranya berlaku kejatuhan ekonomi, pemulihan ekonomi akan memberi manfaat kepada golongan individu dan kelompok tertentu. Jika golongan yang berjaya mengadaptasi digital dalam kehidupan sehari-hari dalam pekerjaan dan kerjaya, sudah tentu golongan tersebut akan bertambah maju. Bagaimana pula golongan yang tertinggal dan tidak dapat mengadaptasi teknologi dan pekerjaan mereka? Sudah tentulah golongan ini akan jauh lebih ketinggalan dan mereka akan lebih jatuh dan tidak relevan dalam suasana ekonomi digital ini. Permasalahan ini perlu untuk diselesaikan secara komprehensif.

Mengikut data yang terkini, didapati Malaysia mempunyai lebih kurang 16 juta guna tenaga. Tetapi jika kita mendalaminya lebih terperinci, didapati hanya 1/16 orang di Malaysia mempunyai kerjaya yang stabil dimana mereka tidak terkesan atau hanya terkesan secara minimum. Malah ada diantara mereka melakukan pelaburan dan pembelian aset tatkala kegawatan ekonomi melanda Malaysia kerana mereka mengambil peluang dengan pemotongan kadar faedah semalam yang rendah untuk membuat pelaburan harta tanah, emas, bitcoin dan sebagainya. Tetapi didapati juga rakyat Malaysia seramai 15/16 orang adalah golongan rentan yang tidak mempunyai kerjaya yang stabil, mencebur kerja sebagai gig ekonomi seperti food panda dan sebagainya. Permasalahan jurang digital lebih menjadi mangkin pada permasalahan ini.

Boleh disimpulkan, Malaysia secara harfiah mungkin dilihat tidak menjadi masalah untuk mengharungi cabaran kegawatan ekonomi ini. Bandingkan sahaja, kita membuat penutupan “lockdown” antara yang paling ketat di dunia. Keluaran Dalam Negara Kasar kita cuma jatuh --5.6% berbanding dengan Filipina yakni -9.5% dimana Filipina tidak pun membuat penutupan seperti Malaysia. Tetapi dilihat terdapat tiga kesan yang paling utama yang akan menyebabkan pemulihan ekonomi kita secara mikroekonomi adalah berbentuk K.



Pertama adalah dasar negara kita yang sebelum ini menjurus kepada intensif buruh daripada intensif modal. Ini menyebabkan sehingga kita mengupah pekerja asing disebabkan ketidaksediaan buruh domestik untuk menyertai pekerjaan yang upahnya rendah dan mungkin berbahaya. Ini menyebabkan Malaysia tidak bersiap siaga untuk menempuh kejutan daripada intensif buruh kepada pasaran modal.

Kedua, ekosistem digital perlu diperhalusi dan dibina, di mana enjin pertumbuhan memanglah daripada pihak swasta, tetapi kerajaan perlu mengambil peranan sebagai pemandu. Baru-baru ini dasar MyDigital yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia adalah sangat penting dalam mengurangkan jurang digital ini.


Ketiga, ketidakstabilan politik di Malaysia akan menjelaskan pelaksanaan dan mesin kerajaan untuk berfungsi dengan baik. Secara asasnya, Malaysia menghadapi masalah pengangguran iaitu pengangguran kitaran yang berlaku disebabkan kegawatan ekonomi, pengangguran struktur disebabkan proses pendigitalan dan pengangguran tersembunyi yang disebabkan lambakan pekerja berkemahiran dan berpendidikan tetapi pasaran yang kekurangan pekerjaan, pekerja ini dibayar upah lebih rendah daripada tingkat kemahiran dan pendidikan pekerja terbabit.

Diharapkan norma baru pada 2021 ini dapat menjadi permulaan kepada pengurangan jurang digital di Malaysia dan menjadi batu asas dalam revolusi industri 4.0 dan seterusnya mendokong Malaysia dengan Dasar Kemakmuran Bersama 2030.



Percutian Norma Baharu: Isu Rumah Kediaman Dijadikan Rumah Penginapan Dari Sudut Perundangan

MOHD SYAHRIL IBRAHIM , DR. WAN NORMILA MOHAMAD



Pelancongan dan Pandemik Covid-19

Dunia telah dikejutkan dengan wabak Covid-19 yang tersebar dengan begitu cepat yang telah memberi kesan kepada pasaran pelancongan dan hospitaliti tempatan dan antarabangsa. Namun, industri perhotelan dan pelancongan adalah tidak asing dengan situasi pandemik kerana situasi MARS yang berlaku baru-baru ini dan pengalaman jangkitan SARS pada awal tahun 2000 (Jamal & Budke, 2020).

Situasi kecemasan ini menyebabkan kerajaan di seluruh dunia mengenakan sekatan ketat yang mlarang sementara perjalanan dengan menutup sempadan masing-masing yang mengakibatkan terhentinya perjalanan antarabangsa. Syarikat penerbangan telah menghentikan operasi dengan semua penerbangan ditangguhkan (Sahin, 2020) dan pemulihannya sepenuhnya dalam perjalanan udara Asia mungkin berlarutan sehingga 2025 (Berita Harian, 3 Februari, 2021). Hal ini mendidik masyarakat kita untuk mengubah tabiat hidup demi mengutamakan kesihatan dan keselamatan diri selain untuk sentiasa mematuhi setiap arahan semasa oleh pihak kerajaan.

Secara khusus, industri pelancongan akan mengambil masa untuk kembali pulih seperti sediakala akibat daripada pandemik Covid-19. Namun, pelancongan domestik dilihat kembali bernaafas apabila Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan sektor itu dibenarkan beroperasi semula mulai 10 Jun lalu dan perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Kesannya, rata-rata masyarakat kita akan lebih berhati-hati untuk bercuti dan berkumpul secara kumpulan di tempat awam seperti di hotel-hotel, pusat peranginan dan lain-lain. Mereka lebih cenderung untuk berkumpul dan membuat aktiviti bersama dalam kumpulan yang lebih kecil yang hanya melibatkan anggota keluarga tanpa perlu terdedah kepada orang ramai. Justeru, pilihan yang tepat selalunya adalah di homestay atau rumah inap dan villa peribadi kerana ia kelihatan lebih selamat pada ketika ini.

Takrifan Rumah Kediaman dan Rumah Penginapan

Rumah kediaman di Malaysia merupakan satu keperluan sehingga kerajaan menperkenalkan Dasar Perumahan Negara bertujuan menyediakan ruang yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemampunan hidup rakyat (Zahari, 2015). Rentetan daripada itu, persekitaran rumah kediaman yang berkualiti memberi impak kepada kehidupan yang berkualiti (Nurizan Yahya, 1998). Malah, salah satu aspek kualiti rumah kediaman dalam Islam ialah memenuhi tuntutan privasi kepada penghuninya (Zahari, 2015). Anas Mustafa (1994) menerangkan rumah kediaman dalam Islam perlu memenuhi tiga syarat utamanya iaitu, keselamatan (al-amn), privasi (al-khususiyah) dan kesihatan (al-sihhah). Bagi masyarakat Islam, persoalan privasi rumah kediaman mempunyai asas yang mapan dan perlu disandarkan kepada sumber rujukan primer iaitu al-Qur'an dan hadis dalam mendepani pelbagai kemelut pembangunan atau permasalahan sosial.

"Homestay" semakin popular di kalangan pelancong di Malaysia. Menurut The Edge Malaysia, terdapat sekurang-kurangnya 18,000 senarai "Airbnb" di Malaysia pada tahun 2018. Robin Kwok, Pengurus Airbnb Asia Tenggara, Taiwan dan Hong Kong memaklumkan, perkhidmatan berkongsi rumah di Malaysia masih tidak mempunyai kawalan khusus.

Isu utama adalah kerana penginapan jangka pendek kediaman persendirian yang tidak sepatutnya dibenarkan berubah untuk diniagakan kepada rumah percutian. Selain itu, penginapan seperti itu tidak memiliki peraturan dan pelindungan yang sama seperti hotel, contohnya seperti keselamatan kebakaran. Walaubagaimanapun, kerajaan secara amnya menyokong industri ini.

Akhbar The Star pada bulan Ogos 2016 menyiarkan kenyataan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa pelancong tertarik dengan harga murah dan kemudahan perjanjian peribadi di antara pelancong dan tuan rumah dan ianya dianggap sah. Malah Kementerian tiada perancangan untuk menggubal undang-undang baru mengenai perkara ini.

Perniagaan homestay pada masa ini telah berkembang dengan pesat sekali disebabkan oleh permintaan para pelancong yang sentiasa ada, malah sebelum tersebarnya wabak Covid-19 ini. Persoalannya di sini, sekiranya pemilik rumah kediaman mengubah kediaman rumah mereka menjadi homestay, adakah ianya sah di sisi undang-undang? Apakah perkara yang perlu diambil kira sebelum perniagaan homestay ini boleh dijalankan?



Ketahui syarat penggunaan tanah/premis: Kediaman atau Komersil

Menurut undang-undang Kanun Tanah Negara (KTN), setiap harta tanah lazimnya telah ditetapkan syarat nyata, syarat tersirat dan syarat kegunaan sama ada untuk tujuan kediaman, komersil dan lain-lain. Seksyen 127 telah jelas memberi peruntukan sekiranya berlaku pelanggaran syarat tetap dan jenis-jenis penggunaan tanah yang tidak digunakan seperti mana yang tertulis di dalam geran harta tanah tersebut, pemilik harta tanah tersebut boleh didenda tidak melebihi RM500.00 dan denda tambahan tidak kurang dari RM100.00 bagi tiap-tiap hari pelanggaran berterusan (Seksyen 127 (1A)), atau pemilik harta tanah berdepan risiko harta tanah tersebut boleh dirampas di bawah Seksyen 129.

Namun begitu, Seksyen 74 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 membolehkan pertukaran status daripada rumah kediaman menjadi premis perniagaan seperti homestay, taska dan lain-lain dengan syarat pemilik telah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan. Sekiranya ingkar, tindakan boleh dibuat di bawah Seksyen 72 dan 73 Akta Parit dan Saliran 1974 dan jika sabit kesalahan pemilik premis boleh dikenakan penalti atau premis tersebut boleh dirobohkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain itu, pematuhan terhadap kehendak dan keperluan Bomba di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 harus diambil kira sebelum menukar kediaman kepada homestay kerana ia melibatkan keselamatan pengunjung. Sekiranya syarat kegunaan bangunan adalah bagi tujuan kediaman, dan ia telah ditukar fungsi oleh pemilik apabila mengubahnya menjadi bangunan komersil tanpa mendapat kebenaran oleh pihak berkuasa, ia tidak akan dilindungi oleh polisi insurans jika terjadi sesuatu musibah dan kecelakaan terhadap premis tersebut.

Isu Kacau Ganggu Terhadap Kejiranan

Perniagaan Homestay dilihat semakin mendapat permintaan yang tinggi disebabkan oleh kebenaran percutian hanya dibenarkan di dalam negara semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan. Tidak dinafikan bahawa norma baharu ini telah membawa impak yang positif terhadap ekonomi negara. Akan tetapi, terdapat isu lain yang harus diberikan perhatian oleh pemilik atau pengusaha homestay ini.

Keadaan seperti gangguan bunyi bising setiap hari terutama pada hari minggu atau cuti umum, kawasan parkir penuh, kesesakan lalu lintas malah terdedah kepada kejadian jenayah adalah di antara isu-isu yang terjadi, terutamanya di bangunan kediaman seperti kondominium dan pangaspuri. Seksyen 86 Akta Parit dan Saliran 1974 memperuntukkan sekiranya terdapat kacau ganggu atau perkara yang mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan dan sekiranya notis supaya kacau ganggu diberhentikan tidak dipatuhi, orang yang menyebabkan kacau ganggu boleh dikenakan perintah pemberhentian atau suatu perintah larangan atau suatu perintah tutup atau mana-mana dari perintah tersebut (Seksyen 88).

Akta Pengurusan Strata 2013 juga membenarkan undang-undang kecil tambahan dibuat oleh pemaju dan badan pengurusan bersama bagi mengawal selia kawalan, pengurusan dan penggunaan bangunan kediaman antaranya bagi tujuan keselamatan dan perlindungan. (Seksyen 32 (3)). Jadi, sekiranya perundangan tambahan ini dibuat dan pihak pengurusan bangunan kediaman menerima aduan kacau ganggu disebabkan oleh perniagaan homestay di kawasan tersebut, mereka boleh mengambil tindakan terhadap ketidakpatuhan tersebut, seperti diperuntukkan di Seksyen 32(3)(i). Penduduk lain yang terkesan oleh kacau ganggu ini boleh mengadu kepada Tribunal Pengurusan Strata seperti yang diperuntukkan di dalam Akta.




Pemantauan Aktiviti Perniagaan Homestay

Langkah proaktif telah dibuat oleh pihak berkuasa bagi mengawal dan memantau perniagaan homestay secara tidak sah. Antaranya:

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya akan mengambil tindakan tegas ke atas pengusaha dan penyedia perkhidmatan hotel dan rumah tumpangan yang tidak berlesen dan berdaftar seperti diperuntukkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992, selain kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan.
2. Bermula tahun 2018, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan program pendaftaran aktiviti penginapan jangka pendek (STR) kepada pemilik atau pengusaha premis yang ingin menyewakan kediaman mereka sama ada berada di kawasan perumahan atau bangunan kediaman. Sekiranya mereka gagal untuk mendaftarkan aktiviti penginapan (STR) ini, tindakan susulan akan diambil oleh DBKL terhadap pemilik atau pengusaha premis tersebut.
3. Majlis Bandaraya Pulau Pinang juga memainkan peranan penting dalam membanteras pengendali rumah tumpangan, asrama dan hotel bajet, yang kebanyakannya menjalankan perkhidmatan rumah tumpangan yang tidak sah dengan mengenakan syarat yang ketat bagi tujuan pemberian perlesenan.

Percutian norma baharu telah membuka mata pelancong untuk lebih mengambil berat perihal keselamatan, kesihatan, privasi dan kebersihan semasa melancong selain perlu sentiasa mematuhi arahan dari pihak berkuasa. Namun begitu, pihak berkuasa seharusnya memainkan peranan yang lebih efisien dalam menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada terhadap penyalahgunaan perniagaan homestay ini. Hakikatnya, garis panduan yang seragam dan jelas terhadap rumah kediaman yang diubah menjadi premis perniagaan seperti homestay yang tidak sah ini juga perlu diwujudkan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pemilik, pengusaha dan penyewa berkaitan dengan kepentingan akan isu ini. Justeru, kerjasama dan integrasi daripada setiap pihak amat penting bagi memastikan kelangsungan industri pelancongan negara terus pulih dan berkembang serta menjadikan Malaysia kembali sebagai destinasi pelancongan terpilih pada peringkat global, selari dengan keperluan pengukuhan undang-undang yang berkaitan.



Rujukan:

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974

Akta Pengurusan Strata 2013

Anas Mustafa Abu c Ata. (1994). *Fiqh al-Bi'ah fi al-Shari'ah ah al-Islamiyyah*. Bangi: Disertasi Doktor Falsafah UKM (tidak diterbitkan).

Jamal, T., & Budke, C. (2020). *Tourism in a world with pandemics: local-global responsibility and action*. *Journal of Tourism Futures*.

Kanun Tanah Negara

MUSA, Z. M. (2015). *Privasi Rumah Kediaman dalam Islam sebagai Panduan kepada Pembangunan Perumahan*. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid, 43, 65.

Sahin, T., 2020. *Lufthansa Applies for Short-time Work Assistance* [accessed online 15 April 2020] Accessed from: Anadolu Agency <https://www.aa.com.tr/en/economy/lufthansa-applies-for-short-time-work-assistance/1788026>.


Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984



Norma Baharu Demi Masa

JAIDA NAJIHAH BINTI JAMIDIN , HASLINDA BINTI AB MALEK

Pepatah ada mengatakan “masa itu emas” dan ada juga menggelarkan masa itu nyawa. Pengurusan masa adalah sesuatu yang sangat dititikberatkan dalam Islam sehingga Allah menitipkan perihal masa di dalam surah Al-Asr yang bermaksud,




Pengurusan masa adalah sesuatu yang sangat mencabar siswazah terutama sekali di era norma baharu ini. Seperti yang kita semua sedia maklum, para siswazah terpaksa mengikuti kelas secara maya dan dalam keadaan jarak jauh di rumah. Cabaran ini bukan sesuatu yang mudah yang harus ditempuhi bukan sahaja kepada siswazah bahkan juga kepada tenaga pengajar. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan! Cabaran ini harus ditempuhi bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran terus berjalan lancar.

Pernahkah kita terfikir mengapa kita tidak boleh menyiapkan sesuatu tugas pada waktu yang ditetapkan, walhal ramai individu yang mampu melakukannya? Kita diberi 24 jam sehari untuk menguruskan segala tugas dan masih rasa ianya tidak mencukupi. Mengapa ini terjadi? Salah satu puncanya adalah keterpincangan dalam pengurusan masa. Perkara pertama yang harus dilakukan oleh tenaga pengajar dan juga siswazah adalah dengan mewujudkan jadual waktu. Perkara ini sering dianggap remeh bagi sesetengah individu tetapi merupakan perkara yang paling utama bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang efisien. Siswazah boleh menyusun jadual tugas untuk mengelakkan mereka dari kelewatan untuk menghantar tugas. Pensyarah juga hendaklah bijak menyusun jadual untuk membuat soalan tugas, ujian dan peperiksaan akhir serta tugas menanda kertas tugas bagi melancarkan proses pemulangan markah sebelum peperiksaan akhir bermula. Dengan adanya jadual waktu ini, tiada lagi istilah kerja tertangguh dan juga kerja ibarat melepaskan batuk di tangga.

Setiap hari kita perlu ada menetapkan matlamat diri kita. Setiap perbuatan yang kita lakukan pasti mempunyai tujuan dan matlamat. Oleh itu, kita perlu merancang dahulu sebelum bertindak. Sediakan perancangan untuk memastikan setiap kerja ada proses yang tepat untuk dilakukan. Produktiviti bekerja setiap orang juga tidak sama. Sesetengah orang lebih suka menyiapkan kerja pada waktu siang, sebaliknya ada juga suka bekerja pada waktu malam.

Justeru, berikan fokus tugas anda pada masa yang paling sesuai, tenang, bertenaga, dan dapat berfikir dengan baik untuk mendapatkan hasil kerja yang optimum dalam jangka masa yang minimum. Fokus sentiasa menjadi kunci untuk mendapatkan hasil yang sempurna dan terbaik. Tanpa fokus, kita akan mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Selain itu, kita juga perlu melatih diri supaya tidak mengamalkan tabiat menangguh kerja. Berlengah itu pencuri masa. Pembaziran masa akan berlaku sekiranya kita melengah-lengahkan kerja.



Dewasa ini juga, penggunaan internet dalam menyiapkan tugas yang diberikan sememangnya tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, kita sering kali terganggu dengan perkara-perkara kecil yang sangat tidak penting dan tidak relevan dengan diri kita seperti melayari media sosial. Tambahan pula, banyak perkara yang tular di dalam media sosial yang akan mengganggu kerja kita. Tidak salah sekiranya ingin meluangkan masa di media sosial, tetapi anda perlu menetapkan masa dan durasi penggunaannya agar masa tidak terbuang secara sia-sia. Kelemahan dalam kawalan masa melayari media sosial menyebabkan banyak perkara tertangguh. Penggunaan media sosial tanpa had juga menjadikan anda sukar fokus dalam sesuatu perkara. Ini disebabkan oleh otak tidak dapat memberikan tumpuan kerana banyak perkara perlu dibaca di dalam satu masa. Justeru, kita hendaklah sentiasa menjaga disiplin diri dan penggunaan media sosial haruslah berpada-pada untuk menjauhi pembaziran masa.



Pengurusan masa yang baik bukan sahaja dapat memberi ketenangan kepada seseorang malah ia juga membantu seseorang untuk lebih berdisiplin dan menghargai setiap masa yang diberikan

Tuntasnya, pengurusan masa tidak boleh dianggap remeh malah ianya penentu kejayaan seseorang. Mengatur masa dengan berhemah mungkin sesuatu perkara yang sukar tetapi tidak mustahil untuk dilakukan. Ia memerlukan motivasi dan dedikasi untuk berkesan. Pengurusan masa memerlukan kita untuk sentiasa fokus terhadap prioriti tugas yang perlu diselesaikan. Paling utama, tiada masa yang terbuang dengan sia-sia. Pengurusan masa yang baik bukan sahaja dapat memberi ketenangan kepada seseorang malah ia juga membantu seseorang untuk lebih berdisiplin dan menghargai setiap masa yang diberikan. Masa itu percuma tetapi mahal harganya dan di saat masa itu hilang, maka ia takkan dapat dikembalikan semula.

Tanamlah mutiara kata Imam Al-Ghazali bahawa perkara yang paling dekat dengan kita adalah kematian, manakala perkara yang yang paling jauh dengan kita adalah masa yang sudah berlalu. Walaupun baru sedetik yang telah berlalu dalam kehidupan kita, mustahil kita dapat kembali kepada detik itu. Akhir kata, meminjam mutiara kata Saidina Ali RA, beruntunglah orang yang hari ini lebih baik dari semalam, rugilah orang yang sama keadaannya hari ini dengan semalam dan celakah orang yang hari ini lebih teruk dari semalam.

Sukarelawan Digital; Satu Pembaharuan

SITI AIDA LAMAT, MOHAMAD FIRDAUS AHMAD, NUR DALILAH DAHLAN, SHARIFAH MAIMUNAH SYED MUD PUAD, MUHAMMAD WAFI A. RAHMAN, NUR HANI SYAZWANI BAKRI

Sukarelawan merupakan individu ataupun sekumpulan individu yang terlibat dalam aktiviti altruistik bagi mempromosi dan menggalakkan kebaikan dalam kehidupan. Aktiviti kesukarelawan dapat membentuk keperibadian yang unggul dalam diri setiap sukarelawan yang terlibat. Aktiviti seperti ini juga berupaya untuk memupuk motivasi intrinsik yang baik dalam diri sukarelawan apabila tidak mengharapkan apa-apa balasan kerana penglibatan mereka hanyalah memfokuskan kepada sosialisasi dan kepuasan diri.

Secara umumnya, situasi pandemik Covid-19 yang berlaku pada ketika kini menyebabkan pekerjaan sehari-hari kebanyakannya perlu dilaksanakan secara atas talian mahupun di rumah kerana mempengaruhi peningkatan ekonomi negara. Masyarakat telah mengalami perubahan drastik ke dunia digital dengan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka secara atas talian bagi membantu memutuskan rantaian Covid-19. Adaptasi normal baharu sewaktu musim pandemik ini juga menyebabkan peralihan dunia kesukarelawan secara digital. Selain itu, polisi kesukarelawan perlu dinilai semula bagi memenuhi tuntutan penglibatan aktiviti sukarelawan secara alam maya ini. Kolabiasi daripada pelbagai pihak perlu diwujudkan bagi merangka strategi yang terbaik untuk menarik golongan belia terutamanya mahasiswa dan mahasiswi untuk terlibat dalam dunia sukarelawan secara digital di negara kita.

Aktiviti kesukarelawan yang dahulunya dijalankan secara fizikal telah berubah selari dengan normal baharu. Penggunaan teknologi digital atas talian merupakan satu cabaran kepada kumpulan sukarelawan untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan. Namun, situasi ini tidak menjadi tembok penghalang kepada kumpulan ini kerana pengalaman baharu ini boleh diterokai. Evolusi sukarelawan ini bertukar dari konsep fizikal ke konsep e-volunteers. Melalui kaedah digital, setiap sukarelawan mempunyai peluang untuk melontarkan pandangan dan buah fikiran melalui platform yang telah disediakan secara atas talian oleh pihak pengajur aktiviti kesukarelawan. Hal ini kerana, masyarakat telah mula mahir dan sebat dengan cara bekerja secara atas talian disebabkan musim pandemik Covid 19 ini.



Melalui kemahiran dalam menggunakan alatan digital dan teknologi sedia ada akan memudahkan para sukarelawan berganding bahu untuk merangka kerja dengan lebih mudah, efektif dan sistematik. Selaras dengan program anjuran Digital Malaysia yang menyeru sukarelawan digital untuk membawa perubahan kepada sesuatu yang lebih baik melalui kempen #DoMorelah4Malaysia.

Intipati kempen ini sebagai medan buat rakyat Malaysia yang celik teknologi untuk menggunakan kemahiran mereka dengan memberi kemudahan untuk membantu masyarakat melalui Internet. Seterusnya, menyeru pengguna media sosial menjadi sukarelawan digital untuk memberi manfaat kepada masyarakat.

Walaupun ketika ini masyarakat perlu mengamalkan normal baharu dengan mengamalkan penjarakan sosial untuk sesuatu aktiviti, namun pandemik COVID-19 bukan penghalang bagi gerakan sukarelawan untuk menghulurkan bantuan kepada kelompok sasaran. Pelbagai kaedah dalam normal baharu ini dapat dicerap dalam aktiviti kesukarelawan secara digitalisasi yang mana segala persiapan dan penyelenggaraan dilakukan secara atas talian. Penglibatan kesukarelawan menerusi platform digital ini dapat mendedahkan kepentingan pembangunan inklusif dalam memastikan revolusi digital dapat disalurkan kepada semua lapisan komuniti di lokaliti berbeza.



Salah satu contoh terbaik dalam menghidupkan budaya dan semangat sukarelawan digital dalam kalangan mahasiswa universiti adalah seperti program yang telah dianjurkan pada 26 Disember 2020 Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Melaka yang mengambil inisiatif menganjurkan program kemasyarakatan berkonsep normal baharu iaitu 'digital volunteering' dan ini seiring dengan Bulan Kesukarelawanan Antarabangsa 2020. Segala proses aktiviti bantuan ini bermula daripada profiling data kelompok sasar telah dikumpul melalui sistem atas talian dan pembelian barang untuk sumbangan juga dilakukan sepenuhnya secara atas talian. Kemudiannya barang sumbangan terus dihantar kepada kelompok penerima pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

Bagi memastikan bantuan ini sampai kepada kelompok sasaran, pihak FKPM telah bekerjasama dengan Pertubuhan Bantuan Makanan Malaysia (Suspended Meal Association Malaysia) dan Persatuan Komuniti Usahawan Asnaf Negeri Melaka, mereka mengagihkan bantuan kepada golongan B40, orang kurang upaya selain individu yang hilang pekerjaan disebabkan pandemik COVID-19. Kejayaan program ini telah membuktikan keberkesanan perlaksanaan sukarelawan digital dalam menghulur bantuan terhadap golongan yang tidak berkemampuan. Sukarelawan digital juga boleh dikategorikan sebagai frontliner kerana mereka juga turut memastikan masyarakat yang terjejas berada dalam keadaan yang selamat sewaktu pandemic ini.



Justeru, badan sukarelawan, organisasi dan persatuan terlibat perlu berganding bahu dan bekerjasama untuk membina serta menggerakkan semula aktiviti kesukarelawan sewaktu pandemik Covid-19 bagi memberikan kebaikan kepada semua pihak. Pandemik ini tidak seharusnya menjadi penghalang untuk aktiviti kesukarelawan diteruskan malahan ianya adalah satu titik permulaan kepada inovasi kesukarelawan bersesuaian dengan cabaran dan tuntutan semasa. Perancangan dan pelaksanaan strategik sukarelawan yang berkesan dapat membantu pencapaian matlamat dan objektif utama aktiviti ini sendiri iaitu menyumbang kembali kepada masyarakat.



Mahasiswa dan mahasiswi sewajarnya menjadi duta yang mampu memberi tanggapan positif kepada masyarakat menerusi penglibatan diri dalam aktiviti kesukarelawan. Golongan belia ini perlu memainkan peranan yang sewajarnya dalam membentuk budaya tanggungjawab masyarakat. Kesimpulannya, pendedahan sukarelawan secara digital diharapkan mampu membawa transformasi dan perubahan kepada semangat kesukarelawan norma baharu di kalangan rakyat Malaysia khususnya warga UiTM sendiri. Pembudayaan sosial yang diterapkan melalui semangat kesukarelawan memupuk nilai kemanusiaan masyarakat komuniti.

Kembali Aktif dengan Norma Baharu: Saranan Konsep Return to Sport Pasca COVID-19

ADAM LINOBY, MAISARAH MOHD SALEH, FATIN AQILAH ABDUL RAZAK, MOHAMAD FIRDAUS AHMAD, RADZLIYANA RADZUWAN, MUHAMMAD ZULQARNAIN MOHD NASIR, SHARIFAH MAIMUNAH SYED MUD PUAD

Pandemik COVID-19 menjadi satu titik permulaan baru terhadap pembangunan sukan di Malaysia. Usaha dalam pembangunan sukan terutamanya berkaitan bidang sains sukan di negara ini sedang menuju ke arah satu tahap yang lebih tinggi tetapi terhenti seketika disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Aktiviti-aktiviti sukan profesional telah ditangguhkan dan ada juga yang telah dibatalkan. Bagi mengekang penularan virus ini semasa perintah kawalan pergerakan, segala aktiviti sukan adalah sama sekali tidak dibenarkan termasuklah dalam kalangan atlet. Setelah melepas tempoh setahun Malaysia berhadapan dengan pandemik COVID-19 ini, aktiviti sukan di negara dilihat telah kembali secara beransur-ansur dan atlet sudah mula melakukan latihan mereka dalam keadaan normal yang baharu seperti yang dibenarkan oleh kerajaan mengikut Prosedur Operasi Standard yang dikeluarkan yang ditetapkan.

Artikel ini memberi fokus kepada konsep Return to Sport (RTS) dengan norma baharu dari beberapa perspektif. Oleh kerana penyelidikan mengenai kesan isolasi sosial dan ketidakaktifan semasa perintah kawalan pergerakan COVID-19 terhadap komplikasi kardiorespirasi atlet masih tidak jelas, maka penekanan terhadap sudut fisiologi atlet perlu diberi perhatian.

Cara hidup norma baharu: Duduk seketika, bergerak lebih kerap

Isolasi sosial disebabkan kuarantin COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap tahap aktiviti fizikal masyarakat di Malaysia dan seluruh dunia. Kajian daripada syarikat peranti pengesan pergerakan Fitbit menganggarkan pengurangan sebanyak 38 peratus tahap aktiviti fizikal di seluruh dunia pada dua suku pertama tahun 2020 berbanding masa yang sama pada tahun sebelumnya. Kajian ini juga menganggarkan hampir 400,000 kematian akibat penyakit berkaitan jantung dapat dielakkan jika ketidakaktifan fizikal dapat dikurangkan semasa kuarantin isolasi sosial. Penulis berpendapat ini adalah masa yang sangat sesuai untuk mempromosikan faedah senaman dan mendorong ramai orang untuk terus bergerak aktif.



Tidak dapat dinafikan senaman dan pergerakan yang kerap dapat menyumbang kepada kesihatan fizikal dan mental. Menurut Profesor Bruno de Paula dari University of Illinois di dalam artikel editorial bertajuk “The Urgent Need to Sit Less and Move More During the COVID-19 Pandemic”, penekanan terhadap konsep ‘duduk seketika, bergerak lebih kerap’ adalah amat penting ketika suasana kuarantin isolasi sosial yang dapat mengelakkan diri dari kesan mudarat dari sudut psikologi dan fisiologi akibat ketidakaktifan fizikal. Profesor Bruno berpendapat bahawa mengurangkan masa tidak aktif dan seterusnya meningkatkan jumlah masa aktiviti fizikal secara progresif adalah amat penting untuk mendapatkan manfaat senaman.



Penekanan terhadap konsep RTS yang selamat pasca COVID-19 (foto kredit: UiTM FC media)



Pendekatan penilaian perubatan kardiorespirasi di dalam konsep RTS (foto kredit: Institut Sukan Negara).

Kardiorespirasi: Pertimbangan kesihatan jantung dan pernafasan atlet

Kesan pandemik ini telah memberikan impak drastik secara fisiologi dan psikologi individu dalam mengambil keputusan untuk membiasakan diri dengan norma baharu. Lantas, atlet perlu membuat pertimbangan dengan mengambil kira aspek isolasi kuarantine COVID-19 yang sedikit sebanyak telah memberi impak negatif kepada kesihatan jantung dan respirasi atlet. Laporan penyelidikan menunjukkan mengenai individu yang terdedah dengan jangkitan COVID-19 lazimnya mengalami simptom yang mungkin berlanjut sehingga berbulan lamanya. Di antara gejala utama termasuk sakit di bahagian dada yang mungkin disebabkan ketidakmampuan untuk menarik nafas ke secara normal.

Persoalannya, bagaimanakah RTS membolehkan atlet yang mengalami masalah jantung dan pernafasan kronik dapat kembali menjalani rutin latihan dan aktiviti seperti sedia kala? Menurut Profesor Helder Dores dari NOVA Medical School di dalam artikel bertajuk "Return to play after COVID-19: a sport cardiologist's view", atlet yang berisiko ini disyorkan untuk melakukan penilaian perubatan sebelum mengambil keputusan untuk memulakan latihan. Pendekatan penilaian perubatan khusus ini bertujuan untuk memastikan atlet yang tidak mencapai tahap minimum RTS dari sudut kesihatan kardiorespirasi untuk tidak melakukan latihan maksimal yang mungkin memberi bebanan drastik ke atas sistem fisiologi mereka. Bagi atlet yang tidak menunjukkan gejala COVID-19 dan tidak memiliki sejarah masalah kardiorespirasi yang kronik, penilaian perubatan tambahan tidak diperlukan. Namun, semua atlet masih disarankan untuk menaikkan julat bebanan latihan pasca COVID-19 secara beransur-ansur seperti yang di bincangkan sebelum ini.

Secara ringkasnya, aktiviti sukan harus diteruskan dengan adaptasi norma baharu. Situasi pandemik terkini tidak harus dijadikan alasan untuk tidak kekal aktif. Ini kerana, integrasi teknologi terkini dan pendekatan yang lebih efisien secara maya dapat dilakukan mengikut operasi standard serta dapat mengekang penularan pandemik ini. Semoga saranan penulis dalam artikel kali ini dapat membuka minda para pembaca mengenai kepentingan untuk kekal aktif melalui aktiviti sukan mengikut norma yang baharu. Pembudayaan norma baharu dalam sukan yang dikenali sebagai RTS merupakan strategi terbaik bagi meneruskan kelangsungan aktiviti sihat di kalangan masyarakat dan juga atlet.

Konsep Return to Sport yang selamat

Konsep RTS dengan cara yang selamat adalah amat penting untuk para atlet kembali ke sesi latihan dan pertandingan selepas durasi tidak aktif yang agak lama, ataupun dikenali sebagai detraining. RTS menjadi cabaran jelas pasca COVID-19. Apabila atlet tidak melakukan aktiviti suaian fizikal lebih dari dua minggu, penurunan keupayaan fisiologi yang drastik, perubahan jisim dan komposisi badan, kehilangan kecekapan sistem neuromuskular dan kardiovaskular serta peningkatan risiko kecederaan akan berlaku. Untuk atlet kembali menyertai sesi latihan, mereka perlu menjalani penilaian perubatan terlebih dahulu agar pemilihan intensiti serta jenis latihan dapat ditentukan berdasarkan perubahan fisiologi semasa atlet tersebut.

Setelah sekian lama di dalam mod tidak aktif, penekanan perlu dilakukan bagi mengembalikan julat pergerakan sendi (range of motion) dengan sesi regangan badan dan pemanasan badan yang mencukupi sebelum latihan dimulakan. Atlet juga disarankan untuk membina daya tahan aerobik dengan latihan bersifat progresif. Pada peringkat awal sesi latihan, julat bebanan yang baik adalah di sekitar 50 hingga 60 peratus dari kadar nadi maksimum. Kadar ini boleh di tingkatkan 10 hingga 20 peratus secara beransur-ansur ke tahap maksimum di dalam kadar mingguan, bergantung kepada tahap kesediaan stamina dan kesihatan atlet berkenaan. Bagi latihan rintangan dan bebanan pula, atlet disyorkan untuk bermula dengan intensiti rendah dari julat 70 hingga 75 peratus daripada bebanan maksimum. Data kajian lepas menunjukkan kehilangan jisim otot harian sebanyak 0.6 hingga 1 peratus bermula selepas atlet tidak aktif selepas 15 hari. Seperti latihan daya tahan aerobik, julat bebanan ini juga perlu dinaikkan secara beransur-ansur sehingga ke tahap yang dapat dilakukan semasa pra COVID-19.

Online Project Presentation - Embracing the New Normal towards Active Learning

**HASLINDA NORADZAN, WAN ARYATI WAN GHANI, ZAIDATULHUSNA MOHD ISNANI,
SALIZA RAMLY, SRI YUSMAWATI MOHD YUNUS**

The Open and Distance Learning (ODL) has been implemented for two consecutive semesters now as the country is facing an uprising number in COVID-19 cases. Following the announcement of the second Movement Control Order (MCO), this learning method would be continued until further notice to ensure that teaching and learning activities are successfully carried out. Various online training courses and webinars have been, and continue to be, organized to help cultivate and develop new ways of conducting and adapting online lectures, lab sessions, discussion, class activities and assessments among lecturers. Common assessments are group and individual projects where students are required to present their final projects or outcomes. Typically, the presentation sessions were conducted via face-to-face approach in the classroom involving students along with their lecturers and respective panels. Lecturers have taken different approaches materializing the ODL - project presentation is being delivered online as it offers collaborative and interactive environments. The process of assessing the projects has been carried out through online sessions and feedback is given appropriately throughout the process.

There are two modes of presentations which are best suited for online presentations - live and pre-recorded video presentation. Lecturers have to weigh the pros and cons and choose the mode that they feel is best to facilitate student learning. In addition, lecturers need to consider problems with students' internet connection and facilities before deciding on the mode so that every student gets an equal opportunity to excel during the sessions. Live online presentations create an avenue of mutual discussion where lecturers can communicate directly with the students and vice versa. Furthermore, students can also improve their presentation skills, as well as their interpersonal skills. This live presentation will be a successful interactive session if everyone has good internet connection throughout the session.

On the other hand, a pre-recorded video presentation gives students more time to plan and prepare their presentation contents. Students also get freedom to explore tools such as new hardware and software for recording and editing the video to be submitted at a given time. That piece of work will then be evaluated by the lecturers at a different space and time.



The first objective of this study is to assess student satisfaction based on how the sessions could encourage an active learning environment. The second factor assessed is the satisfaction towards the format or platforms that are being used for the presentations. This article also revealed the overall student satisfaction towards the execution of both modes for online presentations.

At the end of the semester of the 2020/21 February 2021 academic session, a self-examined survey in Google Form was given to students to measure their satisfaction towards the online project presentation sessions. A total of 309 students from various programs of two faculties in UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban - The Faculty of Computer and Mathematical Sciences (FSKM) and The Faculty of Administrative Science and Policy Studies (FSPPP)- were selected and participated in this survey.

Technically, the survey consists of questions that asked the students to pick the mode of presentation that had been set by the lecturers. The two options designed in the survey question are live online presentation (synchronous) or pre-recorded presentation (asynchronous). Live online presentation sessions include web or video conference platforms such as Microsoft Teams, Google Meet, Zoom, et cetera. While, the pre-recorded video presentations mode would require students to submit their work at a given time which will then be evaluated by the lecturers. The satisfaction was measured by using a 4 point Likert scale namely Very Dissatisfied, Dissatisfied, Satisfied and Very Satisfied. There is no "neutral" option provided in the survey - in other words students were forced to give their opinion.

The responses of the survey were then being analysed using Microsoft Excel. The results were analysed according to modes of the presentations. From the 309 respondents, 145 of them were, at the time, using live online presentation and 164 were using pre-recorded video presentation.

Table 1 shows the score for both live online presentation and pre-recorded video presentation towards encouraging an active learning environment. Subsequently, Table 2 presents the satisfaction towards the format or platforms that have been used.

Scale	Live online presentation	Pre-recorded video presentation	Percentage
Very Dissatisfied	0	4	1.3%
Dissatisfied	4	10	4.53%
Satisfied	100	99	64.4%
Very Satisfied	41	51	29.77%

Table 1: Satisfaction on encouraging active learning environment

Scale	Live online presentation	Pre-recorded video presentation	Percentage
Very Dissatisfied	0	2	0.65%
Dissatisfied	2	6	2.59%
Satisfied	90	98	60.84%
Very Satisfied	53	58	35.92%

Table 2: Satisfaction on format and platforms used for live and pre-recorded presentation

The analysed results show 94.17% respondents are satisfied with presentation sessions which would encourage an active learning environment among the students. Similarly, 96.76% respondents are satisfied with the format and platforms that were being used. However, there is only a small number of respondents who are not happy with the presentation sessions. This could be due to many contributing factors, one of which is limited internet access.

The overall satisfaction towards both live presentation and pre-recorded presentation modes for the current semester are shown in Figure 1 and Figure 2. 95% and 90% of the respondents are satisfied with the live presentation and pre-recorded presentation respectively.




Figure 1: Overall satisfaction on Live Online Presentation




Figure 2: Overall satisfaction on Pre-recorded Video Presentation

Based on the analysed result, it can be concluded that most of the students are satisfied with both presentation modes; live online presentation and pre-recorded video presentation. Both modes give significant results which help lecturers in assessing students' projects as well as encouraging them to improve their presentation skills. Most projects were assigned in groups of three to four members who worked together to deliver a good presentation. Their ultimate goal is to achieve good marks and grades for everyone.

Despite an increased workload, students managed to explore new tools and technology. On top of that, they also learned how to utilize the tools for the execution of successful presentations and collaborated well with their group members. This will not only contribute to student centred learning, but also the opportunity for the students to strengthen other skills in using the latest technology. The students will also benefit from being better able to communicate with each other especially when they are working remotely, from many different locations. Further observation could be carried out in getting the feedback on the issues and obstacles they are facing while preparing their presentations, such as limited internet access or insufficient knowledge, in creating an impactful online presentation.



Winds of Change -2021 New Normal

ASSOCIATE PROF DR ANGELINE RANJETHAMONEY VIJAYARAJOO

I first started teaching in 1983, as a school teacher in Sekolah Menengah Sains, Kuala Pilah. At that time I could never have imagined working the way I have, especially since March 2020 to the present times.

Technology was not in the forefront. As a school teacher apart from the black board (which was actually green) and chalk, some of us young teachers (we were young back then in 1983) prepared charts from manila cards and typed out notes on material called “stencils”. These “stencils” would be an unknown term to many today. It is a long sheet with a thin blue strip as the upper layer. This material had to be rolled into a typewriter and one had to strike the keys with a certain force to make sure that the key pedals cut through the blue thin strip. Then, when the typing was over, this long strip is sent to a machine – called a cyclostyle machine which had a roller, and copies of what is typed are rolled out. We had to determine the number of copies we required and programme the machine. There was a time when this had to be done manually. So, there was arm exercise as well, if we wanted our copies quickly. Otherwise, the office staff would handle it but that could take some time.



Figure 1 A Cyclostyle Machine

In those years, we did not have photocopy machines. As the years went by, we had computers and huge diskettes to store our data. Here's a picture of the diskettes we used then:



Figure 2 Diskettes

So, we worked with these tools. We did not own laptops as there were none; just huge desk tops. That too, was only available in a computer laboratory. Rather than get a key and walk all the way up to the computer lab, we would prefer to type away on typewriters. For those who have not seen one, here's a picture of one.



Figure 3 A Typewriter

They were heavy and made of iron. It was hard to carry about and best left on our tables. Not everyone had one but there was one in the school office, made available to everyone. Later on, smaller and lighter typewriters came to be and as they became affordable, many of us bought our own so that we could work from home.

Looking back to where I started and where I am now, I must say, it is like a journey from Earth to Mars. Between March 2020 and March 2021, I must say that my learning curve is very much a rounded bell. There is no question of flattening the curve.


I have learnt a lot, technology-wise, and have become wiser by it. What has made all this possible is the support from my friends and colleagues. Every time I'm stuck, I would walk out of my office and go knocking at my colleagues' doors. I also have my regular “sifu” whom I ask a million questions a day. I thank God for all the wonderful people who have mentored and guided me through these times.

I have friends who have retired and they ask me, “how do you cope?” The answer is twofold. You must firstly want to learn, and secondly, you must have a strong support system of ever willing colleagues, friends and technical staff. This support system also includes my students. I am blessed to have these.

And so I worked out a simple contrast between things then and now, the New Normal:

Then	New Normal
Cyclostyle machine	Copier
Typewriter	PC
House/Office Phone	Mobile phone
Mobile phone	Smart phone
Making calls and sending sms messages	Making calls, sending text messages, audio, video material
Physical Classrooms	Online / Google/ Virtual Classrooms
Physical Meetings	Google Meet, Zoom, Hang outs

Table 1: New Normal Technology as Opposed to times Then



My learning journey is still a learning journey and the day I stop learning, I will die, figuratively. Each day, I discover new things. At the same time, I enjoy upgrading my paraphernalia and this gives me a sense of assurance that “I’m getting there”.

Yet, in everything, I realize the importance of communication and the art of this is slowly dwindling as technology pushes itself forward. I think we need to be aware of the importance of effective communication, despite the new norm of technology. The human touch must not be lost at the expense of moving forward.

As I look back, I cannot imagine what I am doing today and continue to thank God for everything and everyone, especially the health to see and live through the New Normal.

Yes, the Winds of Change - 2021 New Normal

Dilema Penggunaan Peranti Kamera bagi Pemantauan Penilaian Akhir Kursus di dalam Norma Baharu

NORHAFIZAH HASHIM, NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH & ROZIANIWATI YUSOF

Penularan pandemik Covid-19 di seluruh dunia pada 1 Mac 2020 telah mencetuskan fenomena baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Secara amnya, proses PdP telah dilaksanakan sepenuhnya secara jarak jauh terbuka (ODL) di seluruh Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebanyak dua sesi pengajian iaitu bermula daripada semester Mac 2020 sehingga Februari 2021. Secara langsung ini telah melibatkan proses penilaian akhir kursus-kursus dijalankan secara atas talian. Penilaian akhir ini bergantung kepada setiap kursus. Terdapat kursus yang memfokus kepada projek atau tugas akhir yang perlu dihantar sebelum minggu peperiksaan bermula. Manakala, penilaian akhir yang dimaksudkan oleh penulis adalah ujian akhir semasa minggu peperiksaan yang melibatkan ujian bertulis di dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pada semester pertama pelaksanaannya, para pensyarah telah berusaha menyediakan platform pelaksanaan yang efektif untuk memantau aktiviti penilaian akhir. Ini bertujuan untuk mengawal aktiviti meniru di kalangan pelajar.

Penilaian akhir secara atas talian memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk mencari jawapan dari pelbagai sumber sepanjang penilaian akhir berlangsung. Sumber-sumber yang dibenarkan adalah seperti buku teks, buku rujukan, nota-nota atau laman-laman web yang berkaitan. Sumber rujukan juga mungkin melibatkan penggunaan perisian yang berkaitan. Namun begitu, penggunaan rujukan daripada sumber-sumber yang tidak dibenarkan boleh menyebabkan pelajar tersebut dianggap meniru dan ditiru seperti berkongsi jawapan sesama sendiri yang ketara boleh dikenalpasti oleh seseorang pensyarah. Ini boleh dikenalpasti berdasarkan pengalaman penulis yang mengajar kursus pengaturcaraan. Kod-kod pengaturcaraan dihasilkan berdasarkan algoritma (algorithm) tertentu dan mengandungi peraturan sintaks (syntax) yang perlu diikuti. Kebiasaannya, jawapan bagi soalan pengaturcaraan memerlukan kreativiti masing-masing bagi menyelesaikan masalah yang diberi. Walau bagaimanapun, ada segelintir pelajar yang gemar meniru jawapan yang kelihatan kreatif tanpa memahami jawapan tersebut. Tambahan pula terdapat baris-baris kod yang salah (syntax error) pada tempat yang sama. Dengan itu, pensyarah dapat mengesan aktiviti peniruan tersebut.



Berdasarkan pengalaman pada semester pertama pelaksanaan ODL, penulis merasakan pasti ada kegusaran bagi semester yang kedua ini walaupun telah melalui fasa yang sama bagi proses penilaian akhir pelajar. Oleh itu, pelbagai kaedah telah difikirkan dan dilaksanakan oleh para pensyarah untuk menurunkan kadar peniruan itu pada semester ini. Di antaranya penggunaan kamera untuk tujuan pemantauan. Walau bagaimanapun kaedah ini belum dicadangkan oleh pihak pengurusan. Namun, ia antara kaedah yang boleh diguna pakai untuk pemantauan. Ini telah dilaksanakan oleh rakan penulis yang mengarahkan pelajar-pelajar beliau untuk memasang (on) peranti kamera terbina (built-in camera) pada gajet masing-masing sepanjang penilaian akhir kursus tersebut berlangsung. Pada masa yang sama pensyarah itu juga turut memasang peranti kamera pada gajet beliau agar tiada isu ketidak adilan. Walau bagaimanapun, timbul pula isu ketidakpuasan hati di kalangan pelajar-pelajar. Mereka berasa tidak tenang untuk menghadapi penilaian akhir jika terpaksa memasang kamera gajet. Berdasarkan sembang kosong penulis dengan pelajar-pelajar di dalam grup aplikasi Whatsapp, terdapat di kalangan pelajar siswi merasakan penampilan mereka perlu diberi perhatian sepanjang masa seperti kekemasan lilitan tudung. Penulis juga merasakan pelajar-pelajar pasti menitik beratkan rupa paras dan ekspresi muka mereka sepanjang tempoh tersebut. Oleh itu, mereka akan berasa terbebani dan tidak dapat memberi fokus kepada penilaian akhir.

Selain itu, penggunaan peranti kamera juga dikatakan menjadi satu masalah bagi pelajar-pelajar yang hanya mampu menggunakan telefon bimbit biasa. Ini kerana kamera terbina hanya terdapat pada telefon pintar sahaja. Oleh itu, pelajar-pelajar akan menghadapi kesukaran untuk memenuhi syarat yang memerlukan kamera terpasang sepanjang penilaian akhir. Tambahan lagi, tidak semua pelajar mampu untuk membeli telefon pintar. Manakala bagi pengguna telefon pintar, mereka juga menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan jika memerlukan kamera sentiasa terpasang. Ini kerana penggunaan kamera terbina pada gajet tersebut menyukarkan mereka untuk membaca soalan berbanding dengan penggunaan gajet yang mempunyai skrin yang lebih besar seperti laptop, tablet atau seumpamanya. Sementelah, terdapat juga pelajar-pelajar yang terpaksa berkongsi gajet sepanjang proses PdP.

Justeru, penggunaan kamera agak sukar bagi golongan ini. Walau bagaimanapun, golongan yang paling terjejas sudah pasti pelajar-pelajar yang menghadapi sambungan Internet yang tidak stabil atau langganan data yang terhad. Mereka menghadapi risiko penyambungan internet yang akan sentiasa terputus sepanjang penilaian berlangsung. Oleh itu, untuk memastikan kamera sentiasa terpasang adalah amat sukar dan bukanlah menjadi keutamaan mereka. Mereka perlu memfokuskan kepada proses menjawab soalan berbanding memastikan kamera sentiasa terpasang. Jika menjadi keperluan untuk memasang kamera sepanjang proses penilaian, maka daya konsentrasi mereka sudah pasti terganggu.



Menurut pengalaman dari rakan penulis yang lain, sewaktu kamera sudah terpasang, aktiviti peniruan masih juga berleluasa. Ianya adalah di luar kawalan seseorang pensyarah untuk mengekangnya. Paparan satu hala ke arah pelajar tidak menjamin peniruan tidak akan berlaku. Apa yang pasti, paparan di skrin gajet pelajar tiada siapa yang tahu. Dan jika mahu memantau kedua-dua paparan maka isu lain pula akan timbul. Ini hanyalah sebahagian daripada rintihan pelajar-pelajar yang sudah menjalani penilaian akhir dengan pemantauan kamera. Sudah semestinya akan ada beberapa lagi isu yang mungkin ingin diadukan oleh mereka jika diberi peluang untuk mengutarakannya. Namun begitu, keputusan untuk menggunakan kamera gajet ini perlulah dipertimbangkan berdasarkan sikap para pelajar tersebut semasa proses PdP berlangsung. Jika mereka sering melakukan aktiviti meniru ketika proses PdP, maka pensyarah perlulah mewajibkan penggunaan kamera ketika penilaian akhir berlangsung.



Setelah mengambil kira isu-isu yang diutarakan oleh pelajar-pelajar di bawah didikan penulis beserta dengan peribadi yang ditonjolkan mereka sepanjang PdP berlangsung, maka memasang kamera tidak dijadikan sebahagian daripada peraturan-peraturan yang wajib bagi menduduki penilaian akhir kursus-kursus penulis. Oleh kerana ini hanyalah perbualan santai bersama anak-anak didik di dalam grup Whatsapp maka tiada undian ringkas atau soal selidik yang sempat diedarkan. Namun majoriti pelajar di dalam grup tersebut sempat memberi respon untuk tidak menggunakan kamera semasa penilaian akhir. Pada pandangan penulis, kaedah pemantauan sepanjang tempoh penilaian akhir adalah bergantung kepada pensyarah itu sendiri dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti sambungan Internet, keupayaan dan peribadi pelajar-pelajar didikan mereka. Usaha sudah dilaksanakan. Seterusnya berserah pada yang Maha Esa. Pihak tertentu mungkin boleh memikirkan kaedah dan peraturan untuk mengekang atau mengenakan tindakan terhadap pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan tersebut. Ini bertujuan untuk menjamin kualiti keputusan akademik khususnya dan kualiti graduan yang dihasilkan secara amnya.

Norma Baharu dalam Pengajaran dan Pembelajaran

ZATI AQMAR BINTI ZAHARUDIN, NORAIMI AZLIN MOHD NORDIN

Minyak wangi kayu gaharu,
Semerbak baunya terus menerus,
Marilah budayakan norma baharu,
Untuk mengurangkan jangkitan virus.

Wangi gaharu tiada tandingan,
Selembut bau bunga-bungaan,
Untuk mengurangkan kadar jangkitan,
Kelas secara maya harus dijalankan.

Bunga hutan cantik terbiar,
Baunya memikat menjadi igauan,
Tugasan kali ini amat mencabar,
Pengajaran dan pembelajaran di atas talian.

Semerbak harum bunga cempaka,
Bunga ditanam di tepi pagar,
Walau tak pernah bersua muka,
Tetap bersemangat membimbing pelajar.

Bunga itu lambang kecantikan,
Digubah sempurna hadiah buatmu,
Segala medium harus digunakan,
Memastikan pelajar menerima ilmu,

Bunga telang berwarna biru,
Dijadikan hiasan juga dimakan,
Hidup semasa norma baharu,
Jadikanlah 3S sebagai sempadan.


Cantik sungguh si bunga sena,
Terletak kemas tidak melata;
Norma baharu terbit fenomena,
Amalkan jarak, kita jaga kita.

Dalam rumah masuk kelawar,
Tersesat jalan mencari perigi,
Vaksin tiba menjadi penawar
Semoga menjadi pelindung diri.

Pokok kelapa dahannya tua,
Hendak ditebang sayang rasanya,
Jangan diabai pesanan semua,
Ingatan bersama selamatkan nyawa.

The New Norm: Then and Now

NADIAH BINTI YAHYAUDDIN, HAZWATI BINTI HASHIM



The new norm in the age of pandemic means that we change the way we move around or the way we go about our daily routines.

We go out with our masks on, be it handmade or medical ones. This was once normal for Japanese or Koreans due to the “threat” of fine dust but now, the whole world has adapted to this new fashion statement.

We bring sanitizers, be it wipes or in liquid form, generic or hospital-grade-seventy percent alcohol. We wash our hands as if we are afraid of contracting the virus, just like how germaphobes used to do. Now, germaphobes are basically twice as anxious while non-germaphobes are just as aware.

We usually move in packs. Now, we move alone. We keep our 1-metre distance. Instead of being in a group like a shoal of fish, we move like lobsters. In fact, being alone is the safest way to wander around. Introverts rejoice.

We have our temperatures checked. This happens every time we enter a business premise, or any building for that matter. We even register our entry by writing our names and our phone numbers before we say “Hi” to our friend who is enjoying a plate of rice at a wedding feast of 50.

MCO or CMCO. Both are dreadful. Movement Control Order means that we are not allowed to travel beyond the boundary of the state that we currently inhabit. Conditional MCO means that we still cannot travel beyond the boundary of the state we currently inhabit unless we have the pass.

Working from home means 24 hours of online meetings and unlimited number of computer-based tasks. It also means that you make lunch and dinner in work attire or just donning half of it. On the bright side, we have more quality time to spend with our children. It also means that we are going to be as bright as our Year Three child because we also work on their homework.

Other than that, our daily routines changed. For some people, their whole world has changed as they have lost their jobs and some being paid less than what they used to get. These experiences have demotivated them as they are unable to bring food to the table. Not to mention too, some people who do not have a shelter and a vehicle as they are burdened with unspeakable financial woes.


The new norm is an unanticipated concept. It will last as long as people believe in its existence, adapt to it, and embrace it as part of their lives.

KAMPUS SANA SINI

BUDAYA KERJA NORMA BAHARU DI UITM CAWANGAN N. SEMBILAN



Penganugerahan
Diploma/Ijazah Secara Janji
Temu UiTM Cawangan Negeri
Sembilan



Sesi Temuduga Staf
Secara Norma Baharu



Sesi Lapor Diri Staf
Secara Norma Baharu



Lawatan Kerja Naib
Canselor, YBhg. Prof.
Emeritus Datuk Ir. Dr.
Mohd Azraai Kassim



Peperiksaan Dalam
Perkhidmatan Secara
Norma Baharu



Lawatan Kerja Pengurus
Lembaga Pengarah Universiti,
YBhg. Dato' Sri Syed Zainal
Abidin Syed Mohamed Tahir



Lawatan Kerja Pro
Canselor YABhg. Tun
Arshad Ayub



● *Sumbangan gambar :*
Sazlyra Mohd Arshad
Pejabat Pentadbiran
● **UiTM Cawangan Negeri Sembilan** ●

KAMPUS SANA SINI

BUDAYA KERJA NORMA BAHARU DI UITM CAWANGAN N. SEMBILAN

Sesi Perkongsian Kenaikan Pangkat Staf Akademik

Sumbangan gambar :
Dr. Norliza Binti Dzakaria
FSG, Kampus K.Pilah



UCS Webinar 2021 Research & Innovation

Sumbangan gambar :
Dr. Amalia Qistina Castaneda Abdullah
APB, Kampus K.Pilah



International Talk from Auckland by Prof Dr Kumar Laxman

Sumbangan gambar:
Puan Nurul Nisha Binti Mohd Shah
APB, Kampus Rembau



Sumbangan gambar:
Nur Amirah Nabihah Binti Zainal Abidin
APB, Kampus Seremban





جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SEREMBAN
BANGUNAN DATO' KLANA PETRA

